



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 43

RABU 24 OKTOBER, 1984.

رابو 28 محرم 1405

PERCUMA

MPSHB DIISYTIHAR JADI INSTITUT PENDIDIKAN

GADONG. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengisytiharkan pertukaran nama Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah kepada Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah mulai awal tahun depan.

Pertukaran itu adalah ekoran dari langkah permulaan ke arah menggerakkan usaha mengemaskan lagi sistem pendidikan dan perguruan di negara ini, yang mana institut itu akan mengendalikan kursus Sarjana Muda Pendidikan atau Bachelor of Education.

INSTITUT PENDIDIKAN

Baginda bertitah, "Dalam maksud demikian itu maka mulai dari tarikh yang sama, Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah adalah ditinggikan dan ditukar menjadi Institut Pendidikan."

Penubuhan Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah diisytiharkan dalam titah Baginda di Majlis Konvokesyen ke-12 Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah di sini pada petang Khamis, 18 Oktober lepas.

Kursus-kursus lain yang seumpama itu juga disediakan bagi mempertingkatkan

Oleh: Aisah Piee

kebolehan guru-guru di bidang ilmu pengetahuan yang mana, titah Baginda lagi, secara berperingkat akan membolehkan guru-guru yang berkesesuaian memperbaiki kedudukan mereka selaras dengan perkhidmatan mereka yang sangat penting dalam mengadun masyarakat yang ikhlas dan jujur.

'LUTANAN'

"Adalah menjadi hasrat Beta dan Kerajaan Beta supaya bidang pendidikan akan menjadi saluran pada mengukuh adunan ilmu pengetahuan yang baik, yang mendatangkan kemanfaatan kepada negara kita Brunei Darussalam. Dan mendidik serta mengasuh kemuliaan, budi pekerti di samping berupaya melahirkan tenaga manusia yang berkemahiran yang berguna bagi memikul tanggungjawab pembentukan dengan seberapa 'lutan' masyarakat yang maju," titah Baginda.

Ke arah itu, Baginda mengingatkan para guru serta semua pihak untuk

melibatkan diri, bertanggungjawab pada melutani dan mengadun bagi mencapai mutu pendidikan yang berfaedah bagi kemajuan negara, dan pelajaran yang mendidik kesentosaan dan kesempurnaan cara hidup yang bersendikan adat resam orang-orang Melayu Brunei.

Selain itu, Baginda juga mengingatkan supaya
Lihat muka 20

BRUNEI BERHASRAT TINGKATKAN KERJASAMA

Oleh Mohammad Salim
yang bertugas membuat liputan

JAKARTA. — Negara Brunei Darussalam berhasrat untuk mengembangkan dan meningkatkan kerjasama dengan Republik Indonesia, bukan saja dalam bidang sosio budaya tetapi juga dalam bidang teknikal pendidikan, pertanian, kebudayaan dan ekonominya.

Kerjasama demikian adalah dihasratkan memandangkan Republik Indonesia telah berjaya mencapai kemajuan dalam usaha-usaha pembangunan dan industrinya di rantau ini di samping ianya merupakan negara yang

terdekat dengan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah balas di Jamuan Santap Malam Kenegaraan yang diberikan

oleh Presiden Soeharto di Istana Negara di sini malam Isnin yang lalu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah hubungan erat antara kedua negara yang terjalin sekian lama bukan saja akibat mempunyai ciri-ciri pengalaman sejarah tradisi, bahasa dan kebudayaan yang sama tetapi juga mempunyai aspirasi yang sama dalam meningkatkan persahabatan dan kerjasama untuk mencapai keamanan dan kemakmuran di rantau Asia Tenggara ini.

"Ini adalah sejajar dengan harapan supaya rakyat Republik Indonesia dan rakyat Beta bersama-sama dapat menikmati kehidupan ketenteraman, keamanan dan keselamatan di dalam suasana yang stabil agar boleh meneruskan usaha-usaha ke arah pembangunan negara masing-masing," titah Baginda.

Dalam titah itu juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia meyakinkan Negara Brunei Darussalam dengan izin Allah akan berpegang teguh kepada prinsip mengekal dan meningkatkan keamanan, kesetabilan di ran-

tau ini lebih-lebih lagi akan sentiasa bekerjasama dengan ASEAN yang telah menyarankan konsep aman, bebas dan berkecuali.

"Kepercayaan penuh terhadap prinsip-prinsip ASEAN adalah salah satu kuasa pendorong utama bagi Negara Brunei Darussalam memasuki pertubuhan ini," titah Baginda.

Untuk itu juga, titah Baginda Negara Brunei Darussalam memainkan peranan positif di dalam rancangan-rancangan dan aktiviti ASEAN sesuai dengan semangat kerjasama ASEAN yang memberikan kemanfaatan bagi keamanan, kestabilan dan keselamatan rantau Asia Tenggara dan dunia keseluruhannya.

Baginda menaruh keyakinan dengan wujudnya rantau ini aman, bebas dan berkecuali dari sebarang campur tangan kuasa-kuasa luar, dengan izin Allah Negara Brunei Darussalam akan mencapai cita-cita dan aspirasi

Lihat muka 20

MANISNYA IMAN

"DAN hendaklah kamu takutkan fitnah (bala bencana) yang bukan saja khusus menimpa orang-orang yang bersalah di antara kamu. Dan ketahuilah bahawa Allah itu keras siksaan-Nya." — Makna ayat 25 Surah Al-Anfal.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan sijil kepada Dayang Shim Guek Lan, penuntut terbaik bahagian aliran Inggeris sesi '81 - '84 di Majlis Konvokesyen ke-12 MPSHB.



PRESIDEN Soeharto menyampaikan cenderamata kenang-kenangan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena lawatan Baginda ke Republik Indonesia, sambil diperhatikan oleh Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Ibu Tien Soeharto.

MAKLUMAN

YANG Dipertua Adat Istiadat Negara Brunei Darussalam memaklumkan bahawa ejaan mengenai dengan nama Puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binti Haji Abdul Aziz yang dieja Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bulqiah, dibetulkan iaitu YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN ANAK PUTERI 'AZEMAH NI'MATUL BOLKIAH.



24 OKTOBER, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

KAWALAN KE ATAS PENGANGKUTAN DI LAUT SECARA BERPERATURAN

PENGUATKUASAAN Seksyen 103 Undang-Undang Perkapalan Pedagang 1982 adalah sangat dialu-alukan. Undang-Undang tersebut merupakan peluasan daripada Undang-undang Antarabangsa bagi Mencegah Perlanggaran di Laut 1972. Penguatkuasaan itu membolehkan Kerajaan mendaftarkan semua kapal-kapal yang mana berikutan daripadanya membolehkan kawalan secara undang-undang dibuat.

Sebagai salah satu kesan daripada undang-undang itu ialah kawalan ke atas lalu lintas di sungai dan perairan negara ini dengan

mengenakan peraturan-peraturan bagi mencegah pelanggaran. Yang paling terasa kesannya tentulah ke atas motor-motor sangkut yang merupakan kenderaan utama bagi orang ramai yang tinggal di Kampong Ayer di ibu negara dan juga di kawasan-kawasan sepanjang sungai dan pesisiran pantai. Tidak syak lagi kuatkuasa undang-undang bagi mengadakan peraturan-peraturan tertentu ke atas kenderaan laut yang melibatkan keselamatan penggunaannya sayugia disambut baik oleh semua pihak. Sebab keadaan yang ada pada waktu ini tidak dapat dibiarkan berkembang sendirinya tanpa campur tangan pihak-pihak berkuasa menerusi peraturan undang-undang bagi bukan sahaja memberikan jaminan keselamatan kepada penumpang-penumpang bahkan juga kepada pemandu-pemandu.

Di ibu negara, perahu motor sangkut adalah juga merupakan teksi laut. Perkhidmatan teksi sedemikian itu telah berkembang dengan pesat sehingga dikatakan penduduk di Kampong Ayer bergantung sepenuhnya kepada perkhidmatan tersebut bagi tujuan-tujuan perhubungan dan pengangkutan. Dan sebagaimana ia telah memberi faedah kepada orang ramai ia lebih-lagi mendatangkan manfaat kepada pemandu-pemandunya yang melakukan operasi menambang. Dan dilihat pada akhirnya operasi menambang itu bukan sahaja merupakan cara menambahkan pendapatan secara sambilan bahkan kepada setengah-setengah orang ia merupakan mata pencarian tetap.

Maka peraturan yang akan dikenakan ke atas

kenderaan perahu motor sangkut dapat diharapkan bukan sahaja mengawal perkembangan bahkan yang lebih afdal ialah bagi memungkinkan wujudnya suatu sistem pengangkutan dan perhubungan orang ramai di kawasan-kawasan perairan secara beraturan yang akan mendatangkan kesejahteraan serta menjamin keselamatan penumpang dan pemandu. Kita percaya pihak yang berkenaan telah dan akan seterusnya mengenal pasti kedudukan serta masalah-masalah yang ada setakat ini. Umpamanya kelajuan dan kederasan dengan menentukan had-had kuasa enjin yang boleh dibenarkan. Begitu juga ukuran perahu yang bermacam-macam itu mustahak diperhatikan dalam menentukan had-had bilangan penumpang dan bahkan juga dalam menentukan had-had kelajuan. Kesemua ini bukanlah suatu yang mudah tetapi dengan kesungguhan pihak berkuasa serta juga dengan berkat kerjasama pihak-pihak lain termasuk pemandu-pemandu dan tuan-tuan punya kenderaan laut itu. Kesungguhan yang kita maksudkan termasuklah kebijaksanaan dalam membuat peraturan-peraturan dan melaksanakannya. Dan kerjasama yang kita maksudkan terutamanya ialah dari segi fahaman dan sikap yang positif terhadap maksud serta matlamat Kerajaan menguatkuasakan undang-undang yang ada.

Dari segi kemungkinan mewujudkan pengangkutan penumpang secara beraturan dan bersistem dipercayai semua pihak dapat melihat kemungkinan itu. Di Kampong Ayer pada masa ini sudah ada 'lanting' kekal bagi

orang-orang ramai turun naik di kawasan masing-masing. Lanting yang disediakan oleh Kerajaan itu tentu boleh dijadikan stesen menunggu dan mengambil penumpang-penumpang. Ini menghendaki perahu-perahu motor sangkut yang berukuran besar di mana pemandunya akan singgah menghantar atau mengangkut penumpang dari satu kawasan ke satu kawasan yang menghubungkan dengan kawasan sebelah tebing di ibu negara. Sementara itu memang juga akan terdapat orang ramai yang memerlukan pengangkutan yang dapat terus menghantarnya atau mengambilnya dari tangga rumahnya. Maka keperluan sedemikian itu masih boleh dilayani dan dipenuhi menerusi perkhidmatan-perkhidmatan motor sangkut yang perahunya berukuran kecil dan sederhana. Kesemua ini adalah bayangan kemungkinan yang kita percaya boleh menjadi pertimbangan semua pihak.

Sebagaimana bahagian tertentu dalam Undang-Undang Perkapalan Pedagang tahun 1982 itu dimaksudkan untuk membolehkan Kerajaan mengenakan peraturan-perturan yang mustahak maka orang ramai yang terlibat dalam penggunaan semua kenderaan di laut hendaknya akan segera menyedari bahawa penguatkuasaan undang-undang itu berkehendakkan sokongan semua pihak. Jika mereka mahu melihat faedahnya dan kesannya yang segera maka sama-samalah mereka mendorong semua pihak yang berkenaan itu memberikan sokongan yang positif kepada pihak berkenaan Kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi penguatkuasaan itu.

KURSUS IJAZAH SARJANA MUDA AKAN DIADAKAN DI IPSHB

BANDAR SERI BEGAWAN.

Berikutan dengan pengumuman oleh YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan semasa merasmikan taklimat kepada Guru-guru Besar Jabatan Pelajaran pada 9 April 1984 satu sistem aliran Dwibahasa atau Bilingual akan diperkenalkan secara beransur-ansur bermula bulan Januari depan. Di antara lain, tujuan sistem ini adalah untuk memenuhi hasrat negara dalam meluaskan penggunaan Bahasa Inggeris di samping memberikan kebebasan untuk menguasai Bahasa Melayu. Dengan jalan ini juga adalah diharapkan agar anak-anak kita akan lebih mudah memasuki pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri di mana bahasa pengantarannya ialah Bahasa Inggeris.

Sebagai langkah kerajaan untuk mengadakan tenaga pengajar yang mahir bagi melaksanakan sistem ini dengan jayanya, seramai 75 orang guru sekolah rendah kini mengikuti kursus meninggi taraf sejak 1 Julai, 1984.

Dengan titah perkenan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam satu Kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Rendah) B. Ed. (Primary Education) akan diadakan dalam negeri. Kursus ini akan dibukakan kepada guru-guru kerajaan rakyat kebawah Duli Yang Maha Mulia yang mempunyai kelayakan-kelayakan yang sesuai dan yang sedang mengajar di mana-mana institusi dalam negeri. Mereka hendaklah mempunyai

pengalaman mengajar sebagai guru terlatih tidak kurang daripada lima tahun.

Kemasukan kedalam kursus ini memerlukan seseorang guru itu melalui satu ujian Bahasa Inggeris secara bertulis sebelum mereka ditemuduga. Jika didapati layak, mereka akan dikehendaki mengikuti kursus pra B. Ed. selama enam bulan yang akan bermula awal tahun depan.

Mereka yang lulus peperiksaan penilaian kursus pra B. Ed. di akhir enam bulan tersebut akan dibenarkan mengikuti kursus B. Ed. (Primary Education) selama dua tahun. Kursus ini adalah di bawah Skim Cuti Belajar Dalam Negeri. Guru-guru yang tamat pengajiannya kelak akan ditempatkan untuk mengajar di sekolah-

sekolah rendah.

Kursus Ijazah ini akan dikendalikan bersama oleh Institut Pendidikan Sultan Hassanul Bolkihah dan University College Cardiff, University of Wales, United Kingdom.

Dua orang pakar pendidikan dari University of Wales akan didatangkan khusus bagi mengasaskan pengendalian kursus tersebut. Selain dari itu beberapa orang pensyarah dari universiti yang sama akan dipinjamkan ke negara ini untuk membantu tenaga pengajar yang sedia ada.

Guru-guru yang ingin mengikuti Kursus Ijazah ini bolehlah mendapatkan borang permohonan dari Institut Pendidikan Sultan Hassanul Bolkihah, Gadong atau Penyelia-Penyelia Daerah.

Semua borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan dihantar kepada Institut Pendidikan Sultan Hassanul Bolkihah, Gadong, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 8 November, 1984.

Sementara itu beberapa orang Pegawai Pelajaran telah di hantar ke universiti-universiti di United Kingdom untuk mengikuti Kursus Ijazah Sarjana dalam disiplin disiplin yang tertentu sebagai langkah persediaan menghadapi keperluan tenaga mengajar akan datang. Usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memberikan peluang-peluang kepada anak-anak tempatan untuk melanjutkan pelajaran hingga ke arah taraf Sarjana dan Phd. akan terus dilaksanakan bagi memenuhi kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan institusi pengajian tinggi dalam negeri.

Penghantaran keluar negeri bagi mengikuti Kursus Sarjana dan Doktoran (Phd)

ini tidaklah terhad kepada United Kingdom sahaja tetapi di lain-lain negeri yang bersesuaian seperti Australia, New Zealand, Kanada dan lain-lain lagi.

TIGA TUJUAN ASASI PERSEKOLAHAN

PEKAN BANGAR. — Penolong Pengarah Pelajaran, Awang Mustafa bin Abu Bakar menekankan tiga tujuan asasi yang menjadi matlamat gedung-gedung persekolahan — pendidikan, melakukan penelitian dan pengabdian kepada masyarakat.

"Pendidikan di samping tugas utamanya meresapkan ilmu pengetahuan, ia juga bertujuan mengembangkan dalam jiwa penuntut supaya bersikap dan berpendirian kukuh serta menanamkan keyakinan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara," jelas beliau ketika berucap di Majlis Penyampaian Hadiah Kepujian Shell kepada 56 orang murid-murid Sekolah Rendah dan Ugama Daerah Temburong bertempat di Dewan Kemasyarakatan di sini Sabtu lalu.

Ke arah mencapai matlamat tersebut, Awang Mustafa menegaskan supaya pihak sekolah, ibu bapa serta masyarakat umum membuat pengkajian dan penelitian

atas maju mundurnya pembelajaran murid-murid dan penuntut-penuntut untuk memastikan standard atau mutu aktiviti-aktiviti pelbagai hasil karya mereka agar aktiviti-aktiviti mereka itu tidak berlawanan dengan kepentingan masyarakat dan negara.

Dari segi pengabdian kepada masyarakat pula, beliau berkata pihak yang berkenaan seharusnya memberi perhatian berat terhadap aktiviti-aktiviti murid-murid dan penuntut-penuntut.

Perhatian tersebut menurut beliau merupakan langkah-langkah positif dalam meningkatkan penghayatan dan pengalaman darjah kehidupan yang sihat di kalangan masyarakat.

"Seperti usaha yang telah ditunjukkan oleh pihak Syarikat Minyak Shell Brunei dengan memberi penghargaan kepada murid-murid dan penuntut-penuntut yang cemerlang dalam pembelajaran mereka," ujar beliau.

RALAT

KETERANGAN gambar di muka tengah keluaran 10 Oktober yang lalu yang berbunyi: "Wakil Tetap Indonesia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu....." hendaklah dibaca seperti berikut:—

"Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, T.Y.T. Tan Sri Zain Azraai ketika mengadakan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk menyampaikan ucapan tahniah atas kemasukan Negara Brunei Darussalam menjadi ahli ke-159 PBB (bawah)."

Kami menuntun maaf atas kesilapan yang tidak disenghajakan itu. — Penyunting.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 24 hingga 31 Oktober 1984

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Limau Manis	24.10.1984	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pangkalan Batu	24.10.1984	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	24.10.1984	Rabu	11.00-12.00 t/hari
Sekolah Melayu Jerudong	27.10.1984	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	27.10.1984	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Sengkurong	27.10.1984	Sabtu	11.00-12.00 t/hari
Sekolah Ugama Sengkurong	27.10.1984	Sabtu	2.30- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas	27.10.1984	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut	27.10.1984	Sabtu	4.30- 5.30 "
Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa	28.10.1984	Ahad	9.00-10.00 pagi
Di kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara	28.10.1984	Ahad	10.15-11.15 "
Di hadapan Kedai Pekan Muara.	28.10.1984	Ahad	11.30-12.00 t/hari
Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah)	29.10.1984	Isnin	2.00- 3.00 petang
Sekolah Ugama Kampong Perpindahan, Berakas	29.10.1984	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	30.10.1984	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Dato Mahawangsa Lamak	30.10.1984	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Serasa	31.10.1984	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Melayu Muntiri	31.10.1984	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	31.10.1984	Rabu	11.30-12.00 t/hari

PENDAHULUAN

BERDASARKAN kepada Deklarasi Bangkok yang ditandatangani oleh lima orang Menteri Luar dari negara Tenggara Asia maka ASEAN pun ditubuhkan pada 8 Ogos 1967.

Menteri-Menteri Luar yang menandatangani Deklarasi Bangkok terdiri daripada Adam Malik dari Indonesia, Narciso Ramos dari Filipina, S. Rajaratnam dari Singapura, Abdul Razak mewakili Malaysia dan Thanat Khoman dari Thailand.

Sejarah tertubuhnya ASEAN ini bermula dengan kunjungan Adam Malik yang ketika itu menjadi Menteri Luar Indonesia ke Bangkok pada 29 April 1966 bagi berunding dengan Narciso Ramos, Menteri Luar Filipina pada ketika itu. Kemudian disusul pula dengan perjumpaan antara Adam Malik dengan Tun Abdul Razak pada 28 Mei 1966. Hubungan kepentingan serantau disentuh dalam perundingan tersebut di samping masalah-masalah lain yang ada hubungannya dengan kepentingan bersama.

Deklarasi Bangkok antara lain menyatakan bahawa negara-negara Asia Tenggara memikul tanggungjawab bersama bagi memperseimbangkan ekonomi dan sosial rantau ini di samping menjamin kemantapan serta keamanan dari campur tangan luar dalam segala manifestasi dan bentuk dan bagi menjaga keperibadian kebangsaan sesuai dengan hasrat dan aspirasi rakyat masing-masing negara anggota.

Perbezaan yang ada di kalangan negara anggota yang terdiri daripada Indonesia, Filipina, Malaysia, Thailand dan Singapura dapat dihubungkan serta dipersatukan sesuai dengan prinsip yang terkandung dalam mukadimah Deklarasi Bangkok itu.

Kemudian persepakatan negara anggota ASEAN ini diperteguhkan lagi dengan penandatanganan suatu deklarasi di Bali pada 24 Februari 1976 yang dipanggil sebagai Deklarasi Concord ASEAN. Lalu disusul dengan satu deklarasi yang ditandatangani di Kuala Lumpur pada 27 November 1971 yang menyuarakan tentang konsep ZOPFAN (Zone of Peace, Freedom and Neutrality) iaitu pengisytiharan kawasan damai, bebas dan berkecuali.

BRUNEI DARUSSALAM MENYERTAikan ASEAN

Kedudukan Brunei Darussalam dilihat dari segi ilmu alam adalah suatu kawasan yang terletak di antara barisan negara-negara anggota ASEAN. Kedudukan Brunei Darussalam itu begitu strategik dan menarik minat kuasa-kuasa luar, jadi berseesuaian dengan kedudukannya maka kebijaksanaan Brunei Darussalam menyertai ASEAN adalah suatu kebijaksanaan yang kena pada tempatnya selari dengan kehendak ZOPFAN iaitu kawasan damai, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara.

Keanggotaan Brunei Darussalam berlangsung dalam suatu upacara yang gilang-gemilang bertempat di Jakarta pada pagi Sabtu tanggal 7 Januari 1984.

Penerimaan Brunei Darussalam secara rasmi ke pertubuhan serantau ASEAN dilakukan di ruang persidangan Sekretariat ASEAN yang ditandatangani oleh DYT M Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Brunei Darussalam dengan disepakati oleh Moktar Kusumastudjaja, Menteri Luar Indonesia, Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Luar Malaysia, S. Dhanabalan, Menteri Luar Singapura, Marshal Siddhi Savetsila, Menteri Luar Thailand dan Arturo Tolentino, Menteri Negara Urusan Luar negeri Filipina.

ASEAN: PERTUBUHAN SERANTAU YANG BERWIBAWA

Oleh Mohd Salleh bin Abd Latif

Dengan kemasukan Brunei Darussalam dalam ASEAN maka negara anggotanya pun berjumlah enam buah negara yang merdeka lagi berdaulat, yang sejak tertubuh hanya berjumlah 5 buah negara anggota saja.

TAHUN KEJAYAAN

Kerjasama serantau yang diperlihatkan oleh ASEAN sepanjang tahun 1982 - 1983 merupakan suatu kejayaan yang perlu dicatat. Banyak kemajuan yang telah dicapai di samping memperkenalkan pelbagai program yang semata-mata untuk kepentingan bersama negara anggota.

Tahun 1982 - 1983 juga adalah tahun penilaian dengan memberi pemerhatian kepada kemajuan yang telah dijangkau di tahun-tahun terkebelakang dan dengan pemikiran segala program yang telah, sedang dan akan dijalankan akan dapat dipertingkatkan atau diubahsuai di mana perlu sesuai dengan kehendak persekitaran atau pengaruh-pengaruh sampingan kesan dari ledakan pergolakan politik antarabangsa.

Sifatnya sebagai pertubuhan serantau, ASEAN telah menampilkan kemampuannya dalam segenap bidang selaras dengan suatu matlamat yang hendak dituju. ASEAN bergerak bersama senada dengan kehendak kerajaan, kehendak firma yang bukan kerajaan dan juga kehendak kerjasama di bidang swasta.

Sepanjang tahun tersebut, segala bentuk kerjasama yang dikembangkan oleh ASEAN ini tambah menguatkan konsep serta citarasa ASEAN pada keseluruhannya baik secara langsung, mahupun tidak langsung.

Dalam pada itu kementerian ASEAN dengan mengadakan dialog dengan pihak ketiga - negara ketiga atau kelompok ketiga - telah mendedahkan ASEAN kepada suatu pemikiran yang bersifat terbuka tapi tegas serta kesepakatan bersama.

KERJASAMA DALAM BIDANG PERMAKAMAN

Bagi mengatasi masalah kekurangan makanan di waktu-waktu darurat atau kecemasan ASEAN telah membentuk suatu lembaga yang dinamakan ASEAN

Food Security Reserve (AFSR) yang mempersetujui agar lima buah negara anggota ASEAN akan menyediakan penyimpanan beras bagi keperluan ini.

Indonesia diperuntukkan sejumlah 12,000 metric tan beras, Malaysia 6,000 metric tan, Filipina 12,000 metric tan dan Thailand 15,000 metric tan yang semuanya berjumlah 50,000 metric tan untuk disimpan dalam simpanan Beras Darurat ASEAN. Oleh sebab kemandapan permatanaan di rantau ini di sepanjang tahun 1982 - 1983 maka tidak ada tindakan dilakukan bagi melaksanakan program ini. Walau macam manapun langkah berjaga-jaga akan diambil jua andainya suatu perkara berbangkit yang membabitkan masalah ini.

LINGKUNGAN KARANTINA ASEAN

Satu jawatankuasa yang ditubuhkan bagi bertanggungjawabkan bidang karantina (quarantine) telah memutuskan agar semua negara anggota ASEAN mengikut kesan analisa serangga perosak yang telah dirumuskan dengan mengambil kira menegak kemasukan serangga perosak yang membahayakan dan janggal ke dalam Lingkungan Karantina ASEAN.

Bersetuju agar sijil kelayakan mengenai dengan bahan-bahan tumbuhan disesuaikan dengan kehendak konvensyen keselamatan tumbuhan antarabangsa Pertubuhan Permatanaan Dan Pertanian (FAO International Plant Protection Convention).

Negara anggota mestilah berjaga-jaga agar jangkitan serangga perosak itu dapat dikawal.

Di samping itu Lingkungan Karantina ASEAN akan dapat membekalkan kemahiran teknologi karantina kepada negara anggota.

Jawatankuasa ini juga memberi perhatian kepada karantina terhadap haiwan serta hasil-mashul dari haiwan.

PENGKAJIAN DAN TEKNOLOGI

Dalam rangka pengkajian ilmiah, ASEAN juga memberi perhatian kepada pelbagai bidang umpamanya dalam bahagian tumbuh-tumbuhan,

binatang ternak, kehutanan, perikanan dan sebagainya.

Persetujuan telah disepakati agar pengkajian-pengkajian dalam bidang berkenaan ditumpukan oleh sesebuah negara anggota agar keberkesannya dapat didambakan.

Negara Filipina telah diuntukkan bagi dijadikan kawasan pengkajian bagi perkembangan kerbau (ASEAN Buffalo Research and Development); Indonesia diuntukkan kepada pengkajian hujan bagi keperluan pertanian (ASEAN Collaboration Research on Rainfed Agriculture) dan pengurusan pengairan untuk keperluan ladang (Water Management at the Farm Level) dan negara Thailand mengkhususkan bidang kerjasama dalam program penanaman jagung (Collaborative Corn Programme for ASEAN).

Di bidang sosioekonomi pula, pengkajian dilakukan bagi melihat kemungkinan-kemungkinan pekerjaan di pendalaman, pemasaran barang-barang dari luar bandar serta pembelajaran perpindahan teknologi.

Dalam pada itu masalah pekebun-pekebun kecil juga diambil perhatian dengan mengambil kira tentang kesepaduan dalam kerjasama pemasaran hasil-mashul di samping memikirkan kebiasaan bersama kesan dari pertembungan sosial dan kebudayaan yang beraneka ragam.

PROGRAM PENGENDALIAN PERMAKAMAN

Program Pengendalian Permatanaan ASEAN yang dibantu oleh Kerajaan Australia-ASEAN telah menampilkan kemajuan terutama dalam bidang cara memproses, stok, pengangkutan, pengetaman dan pembahagian tenaga kerja dalam lapangan yang bersangkutan seperti perkebunan, penternakan, perikanan dan lain-lain.

Hal yang juga perlu dicatat ialah kerjasama yang dihidupkan oleh Kumpulan Ekonomi Eropah (EEC) terutama dalam bidang teknologi pengetaman jagung secara meluas dalam mana kerjasama antara ASEAN dengan EEC melibatkan jumlah bantuan kewangan yang begitu lumayan yang

disumbangkan oleh EEC dalam bentuk program yang dipanggil ASEAN-EEC Regional Collaborative Programme on Grain Post Harvest Technology Project.

Dengan penglibatan negara ketiga serta kelompok ketiga (Australia serta EEC) ini menampakkan hubungan serantau ASEAN telah tambah diperluaskan.

KERJASAMA KEHUTANAN

Masyuarat ke-4 di kalangan Menteri Kehutanan dan Menteri Pertanian ASEAN yang dilangsungkan di Jakarta pada bulan Ogos 1981 telah merumuskan beberapa perkara seperti pengurusan dan perlindungan hasil-hasil hutan persekitaran kehutanan dan hidupan liar; proses dan pengeluaran balak; dan perdagangan serta pemasaran balak.

Berhubung dengan pengurusan dan perlindungan hasil-hasil hutan telah diputuskan empat program. Pertama, program hasil hutan secara stabil dengan mengkhususkan pengkajian hutan tropika ASEAN dan lain-lain kesan sampingan. Kedua, program Ladang Industri yang melibatkan kerjasama negara ketiga sebagai misal kerjasama ASEAN-New Zealand Afforestation Project di samping menubuhkan pusat perkembangan penanaman pokok-pokok hutan dan lain-lain. Ketiga program tali air kehutanan yang juga melibatkan negara ketiga seperti ASEAN-US Watershed Project di samping memperhitungkan kesan-kesan sampingan setelah diadakan pembalakan dan sebagainya. Keempat, Program Sosio Kehutanan dengan menubuhkan Pusat Kehutanan bagi keperluan pembangunan setempat serta membentuk suatu pusat latihan bagi keperluan sosio kehutanan ASEAN.

Berhubung dengan perdagangan serta pemasaran balak pula telah dirumuskan beberapa buah pemikiran seperti menubuhkan beberapa keperluan. Satu, penubuhan Institut Pengurusan Kehutanan ASEAN; Perlindungan Tali Air Kehutanan ASEAN dan Pusat Kajian Pengurusannya; Pusat Pengurusan Hidupan Liar ASEAN; Pengkajian Pembangunan Industri Balak ASEAN dan juga Lembaga Balak ASEAN.

PROJEK INDUSTRI ASEAN

Sebelum Brunei Darussalam memasuki ASEAN, pertubuhan serantau ini sudahpun melancarkan projek industri ASEAN yang dipanggilnya sebagai ASEAN Industrial Projects (AIPs).

Malaysia dikhususkan untuk melancarkan projek urea ASEAN. Malaysia melancarkan projek urea dalam mana projek ASEAN ini telah dipersekatkan dengan ASEAN Bintulu Fertiliser Sdn. Bhd. Bila projek ini berfungsi nanti, ianya akan dapat mengeluarkan 1000 tan ammonia satu hari dan 1,500 tan urea satu hari yang dijangka akan bermula pada tahun 1985.

Projek Tembaga ASEAN yang dikhususkan kepada Filipina masih lagi dalam tingkatan perundingan terutama dalam masalah pemasarannya nanti apabila saja projek ini dilaksanakan. Namun usaha-usaha ke arah ini sedang diikhtirakan bagi mempercepatkan proses ASEAN Copper Fertilisation Project ini.

Dalam rangka AIPs ini Thailand diperuntukkan untuk melancarkan ASEAN Rock Salt-soda Ash Project tapi projek ini masih lagi dalam proses perundingan terutama dalam bidang pinjaman kewangan yang menemui jalan buntu disebabkan oleh tingkat pemasaran rock salt yang dijangka pengeluarannya nanti berlebihan dan juga kerana saham equiti yang masih dipertingkatkan antara Kerajaan Thai dengan pihak swasta di Thailand yang berminat untuk menanam modal dalam projek ini.

Projek Urea ASEAN yang dikendalikan oleh Indonesia sudahpun menampilkan kemajuannya walaupun terpaksa menemui beberapa halangan-halangan sewaktu pembinaan pemasangan paip dilakukan kerana ada kesan-kesan sampingan yang wajar dipertimbangkan sematamangnya sebelum pemasangan paip itu dilakukan yang berhubung dengan ketahanan ammonia dan urea. Latihan kakitangan untuk mengendalikan projek ini sudahpun berjalan lancar dan projek ini sudahpun sepenuhnya dilancarkan pada penghujung bulan Disember 1983.

(Bersambung minggu depan)



DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika menandatangani Surat Pengisytiharan kemasukan Negara Brunei Darussalam ke dalam Pertubuhan Negara-Negara Asia - ASEAN di Jakarta pada 7 Januari, 1984 yang baru lalu.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....Siri ke-248

MEMASUKI 'PERTUBUHAN LION' DAN SEUMPAMANYA — Sambungan

Fitnah musuh-musuh Islam

AL-QURAN Al-Karim sentiasa menyebutkan keburukkan orang Yahudi, ketamakan Yahudi, kejahatan Yahudi seperti dalam surah-surah Al-Fatihah, surah Al-Baqarah, surah Ali-Emran, surah An-Nisa, surah Al-Maidah, surah Al-An-Amm, surah Al-Akraf, surah At-Taubah, surah Ibrahim, surah Al-Isra, surah Maryam, surah Al-Hashr, surah Al-Saf dan surah Al-Jumuah.

Dalam surah-surah di atas ini Allah Taala menyebutkan keburukkan Bani Israel dan orang-orang Yahudi dan perbuatan ganas mereka, supaya umat Islam berjaga-jaga dari tipu helah mereka.

Allah Taala sendiri telah menyebutkan keburukkan dan keganasan orang Yahudi dalam 14 surah, sebagaimana yang dapat kita kesan dan baca, dan diulang-ulang cerita keganasan mereka di antarabangsa itu dari zaman dahulu di dalam Al-Quran, adalah suatu rahsia supaya umat Islam mengambil

iktibar dan menjauhi tipu helah mereka dan berjaga-jaga dari perangkap dan jerat mereka, sebagaimana telah disebutkan oleh Doktor Ahmad Syalabi sebelumnya, dan disebutkan oleh Rabitah Al-Islam Al-Islami di bawah ini.

PENYERU-PENYERU NERAKA ANTARABANGSA

Tersebut dalam kitab Masabihun Sunnah oleh Al-Imam al-Baghawi yang ia petik dari sahif Al-Imam al-Bukhari dan Muslim dan daripada Al-Imam Abu Daud dan At-Termizi dan lain-lain daripada keduanya di dalam Sunan mereka, daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam telah bersabda yang ertinya: "Hampir-hampir sebaik-baik harta seseorang, ialah kambing yang dibelanya di kemuncak-kemuncak bukit dan tempat-tempat aluran-aluran air (orang itu pergi membela kambingnya di bukit-bukit dan di tanah-tanah lapang jauh daripada orang, kerana lari dari fitnah dan kacau-bilau yang berlaku di dalam ugama, untuk menyelamatkan ugamanya itu)." Sekarang banyak fitnah didatangkan oleh musuh-musuh Islam sehingga orang Islam hampir-hampir berada dalam keraguan dan keluar

dari Islam, sebab banyak fitnah dari musuh itu, melainkan orang yang dipeliharakan Allah Taala.

Diriwayatkan oleh Al-Imam al-Bukhari dalam kitab Sahihul Al-Bukhari daripada sahabat Huzaifah bin al-Yamani Radiallahuan telah berkata: "Adalah orang-orang bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam akan dharial perkara-perkara yang baik dan kebajikan dan saya bertanya kepada Baginda dari perkara-perkara kejahatan, kerana saya takut kena kejahatan itu, dan saya tanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam:

Huzaifah: "Ya Rasulullah, kami dahulu semasa berada dalam masa jahiliyah dan dalam kejahatan, maka Allah Taala datangkan kepada kami akan kebajikan ini (ugama Islam), adakah lepas kebajikan ini, datang sesuatu kejahatan?"

Rasulullah: "Naam, ia."

Huzaifah: "Adakah lepas kejahatan itu sesuatu kebajikan?"

Rasulullah: "Naam fihid Dakhn (Ya di dalamnya ada Dakhn)."

Huzaifah: "Apakah Dakhn itu?"

Rasulullah: (Ertinya): "Orang-orang atau kumpulan orang-orang (orang Islam) mereka berjalan dan berpegang atau hidup bukan dengan cara perjalanan saya atau cara hidup saya, dan mereka mengambil petunjuk dan panduan atau cara hidup bukan dari petunjuk saya dan panduan saya atau cara hidup saya, kamu tahu mereka berbuat dan mengikut setengah dari perjalanan saya, dan kamu tahu mereka juga berbuat mungkar dan melanggar perjalanan saya."

Huzaifah: "Adakah lepas kebajikan akan datang sesuatu kejahatan?"

Rasulullah: "Ya, penyeru-penyeru kepada lubang neraka, yang duduk di pintu-pintu neraka, barangsiapa menyahut seruan dan panggilan mereka, nescaya mereka sumbatkan mereka ke dalam neraka."

Huzaifah: "Ya Rasulullah, sifatkan penyeru-penyeru neraka itu kepada kami."

Rasulullah: "Penyeru-penyeru neraka itu daripada kaum bangsa kita orang Islam, dan mereka bertutur dengan bahasa kita (bahasa Arab)."

Huzaifah: "Apa yang tuan hamba perintahkan hamba

jika kiranya hamba berjumpa akan penyeru-penyeru neraka itu."

Sabda Rasulullah: "Kami lazimnya kumpulan umat Islam dan kamu berada di sana dan kamu lazimkan raja-raja umat Islam."

Huzaifah: "Jika sekiranya umat Islam di suatu tempat itu tiada ada kumpulan Islam, dan pakatan Islam dan tiada di sana raja-raja Islam bagaimana saya buat?"

Sabda Rasulullah: "Kami tinggalkan segala puak-puak, parti-parti, kelab-kelab, gabungan-gabungan itu semuanya (yang lain daripada kumpulan umat Islam, dengan sekuat-kuat hati kamu, seolah-olah kamu mengigit tunjang kayu dengan sekuat-kuat tenaga kamu, sehingga kamu menemui ajal kamu)."

Dalam Hadis ini, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam menyatakan bahawa perjalanan ugama Islam itu ada waktunya akan menemui kebajikan dan pada masa lain akan menemui kejahatan dan di antara kejahatan itu timbul puak-puak yang menyeru pada kufur, menyeru pada bidaah, mengajak mengerjakan

perkara sesat dan karut. Sekarang ada puak komunis, puak sosialis, puak qadariah, puak bahai, puak bitiniah, puak taslim, puak Haji Muhammad Matahari, puak Ilhad (atheis), puak ahli falsafah yang sesat atau kufur, Freemason atau Masoniah, Zionis Antarabangsa, puak Kebudayaan Hindu, puak Kebudayaan Buddha dan Penyembah Berhala, puak kebendaan Musyrikin, puak Ibdhiyah, bujur lalu melintang patah di antara pemuda dan pemuda, teruna dan dara, puak Rotary, puak Lions, puak Singa-Singa, puak menganjurkan balik semula pada kebudayaan Hindu dan Buddha dan lain-lain, maka puak-puak ini ada penyeru-penyeru atau ada agen-agenya ada harta dan sumber yang teguh bagi membiayai puak-puak, pertubuhan, kelab-kelab dan persatuan-persatuan itu, semuanya memisungkan umat Islam dari perjalanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam dan dari ugama Allah dan membawa kufur dan masuk neraka (Waliazu Billah).

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)



SALAH seorang juara (kiri sekali) menerima hadiah dari tetamu kehormat.

Juara-juara pertandingan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peserta-peserta dari Daerah Tutong telah memenangi Membaca Al-Quran bahagian lelaki dan juga memenangi Peraduan Hafaz Ayat-ayat Lazim peringkat negara yang berlangsung di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, sementara bahagian perempuan peraduan Membaca Al-Quran pula telah disandang oleh peserta dari Daerah Temburong.

Johan lelaki Membaca Al-Quran ialah Awang Saiful Ashura bin Yuntan dengan 77% markah, johan perempuan pula ialah Dayang Rosmawani binti Mohd Salleh dengan markah 76%.

Johan Hafaz Ayat-ayat Lazim pula disandang oleh Awang Zamrihmesul bin Abdullah dengan markah

81% dan johan perempuan ialah Dayang Anita Fredellena binti Abdullah juga mendapat 81%.

Peraduan tersebut dianjurkan khusus bagi saudara-saudara baru yang bertujuan untuk mengasuh bakat, dan mendorong minat mereka supaya lebih gigih lagi mempelajari pembacaan Al-Quran serta memperbanyakkan hafaz ayat-ayat lazim.

Majlis pada hari itu bermula dengan bacaan ayat-ayat Al-Quran yang dipersembahkan oleh Awang Ibrahim bin Saat, Johan Membaca Al-Quran Sekolah-sekolah Ugama Peringkat Negara, dan diserikan dengan persembahan lagu nasyid oleh Persatuan Kebajikan Pegawai-pegawai dan Kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama TEGUH.

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Orang-orang Islam yang kurang pengetahuan mereka dalam bidang keagamaan di nasihatkan supaya belajar bersungguh-sungguh dan tidak merasa malu untuk belajar demi membetulkan dan menambahkan pengetahuan hidup beragama.

Menuntut ilmu sentiasa terbuka, baik secara formal mahupun sebaliknya kerana ianya adalah bertujuan mempertingkatkan ilmu pengetahuan mengenai ugama dengan tidak mengira sama ada seseorang itu telah lama menganuti atau baru mendekatkan diri.

Setiausaha Tetap Pertama di Kementerian Pembangunan Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup berucap demikian sejurus sebelum merasmikan Pertandingan Membaca Al-Quran dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim bagi saudara-saudara

JANGAN MALU BELAJAR

baru Peringkat Negara bersempena menyambut awal tahun baru Hijrah 1405 bertempat di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan seterusnya berkata: "Kesedaran dan kemahuan bagi memperbaiki diri sendiri adalah merupakan persoalan utama ke arah menghayati Ugama Islam dengan tidak mengira berapa banyak perkara yang boleh dipelajari asalkan ianya diusahakan bersungguh hati."

Kedatangan Islam ke negara ini jelasnya, telah membawa rakyat negara ini kepada akidah kehidupan yang betul, yang antara lain mengajarkan kecekapan membawa dan menulis serta kegiatan perniagaan walaupun dalam saat-saat campurtangan orang-orang barat, namun kedudukannya

tetap terpelihara dan tidak menjadi penghalang bagi kemajuan ekonomi, pelajaran, sosial dan kebudayaan.

Beliau seterusnya mengingatkan orang Islam supaya menjaga kehormatan ugama Islam di samping mengukuhkan perpaduan beragama, yang mana pada hematnya orang-orang yang kurang memahami maksud tersebut akan mudah melimpahkan diayah yang bertentangan dengan Islam.

Sebagai orang Islam menurutnya, kita perlu menghormati sepenuhnya ugama Islam sebelum kita mengharapkan orang lain turut menghormatinya kerana, dalam hubungan ini kadang-kadang terdapat orang yang bukan beragama Islam cuba menilai kesempurnaan melalui perkataan atau

perbuatan sebilangan orang Islam yang bertentangan dengan ajaran Islam. Apabila ini terjadi sambungnya, orang yang bukan beragama Islam akan menyebarkan pendapat yang ugama Islam itu banyak kelemahannya.

Pada pandangan beliau penilaian itu adalah bertentangan sama sekali dengan unsur Islam, dan menekankan supaya orang Islam tidak akan memberikan pendapat yang bertentangan terhadap satu-satu isu mengenai Islam tanpa usul periksa apa lagi perkara-perkara yang bertentangan dengannya.

Apa yang penting jelasnya, orang Islam hendaklah menolak serta menjauhkan diri daripada penilaian yang keji itu dengan cara berazam mempelajari ajaran-ajaran Islam sebenar daripada orang yang patut dipelajari.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 24 Oktober, 1984 hingga ke hari Selasa 30 Oktober, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
24-25	12.11	3.28	3.29	6.09	6.10	7.23	7.24	4.47	4.33	4.48	6.04	6.05
26-30	12.10	3.27	3.28	6.08	6.09	7.22	7.23	4.47	4.33	4.48	6.04	6.05

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

MARILAH kita terus-menerus bertakwa kepada Allah dengan sebenar-sebenarnya dan berusaha meningkatkan-nya dengan amal ibadat dan perbuatan-perbuatan yang berkebaikan bagi mencapai suatu kemenangan besar iaitu memasuki syurga yang penuh nikmat dan kesenangan serta berusaha pula melawan hawa nafsu yang jahat yang andainya dituruti akan membawa kita masuk ke dalam neraka yang penuh siksa dan kesengsaraan.

Syurga adalah tempat kediaman abadi di akhirat yang penuh dengan segala macam nikmat dan kesenangan yang tiada terbayang oleh fikiran dan tiada pernah dilihat oleh mata dan tiada pernah didengar oleh telinga, segala-galanya penuh nikmat, kelazatan dan kesenangan melebihi nikmat kelazatan dan kesenangan di dunia ini. Manakala neraka pula adalah tempat kediaman di akhirat yang penuh dengan segala macam azab dan siksa yang melebihi dari segala azab siksa di dunia. Keduanya itu sudahpun wujud dan menanti penghuninya.

JANJI ALLAH

Kita pun sudah sedia mengetahui bahawa syurga itu tempat yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wataala untuk orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan neraka pula ialah tempat yang telah dijanjikan untuk orang-orang kafir, orang-orang munafik dan orang-orang yang derhaka kepada Allah. Pengetahuan kita mengenai masalah ini

DI DUNIA DIA SUKA HIDUP SENANG DAN BENCI KESANGSARAAN

MENGAPA JALAN KE SYURGA DIKETEPIKAN

JALAN KE NERAKA

Sebaliknya ada setengah-setengah orang pula tidak begitu mengambil perhatian

yang berat mengenai syurga dan neraka ini padahal akalnyanya sendiri menghendaki syurga dan membenci neraka. Di dunia inipun dia paling

suka hidup dalam kesenangan dan kebahagiaan dan amat benci kepada kemelaratan dan kesengsaraan. Tetapi jalan-jalan menuju syurga itu ditepikannya sedangkan jalan-jalan menuju neraka itu pula yang gemar dilakukannya.

Seorang mahasiswa bercita-cita mencari kehidupan yang baik dan senang sesudah mendapat ijazah perlulah menempuh berbagai kesusahan, dugaan dan perjuangan terlebih dahulu sebelum berjaya mencapai ijazah. Selain dari berhempas-pulas menghabiskan persekolahan di peringkat rendah dan menengah ianya perlulah belajar dengan lebih tekun, tabah dan sabar di peringkat universiti. Jika tidak sudah pasti cita-citanya akan terkandas dan apa yang dicita-citakannya bagi mencapai kehidupan yang baik dan senang itu tidak tercapai.

Begitulah juga jalan untuk mencapai kebahagiaan hidup di syurga di alam akhirat kelak jika tidak diusahakan jalan-jalannya dan tiada dilaksanakan syarat-syaratnya sudah pasti tidak akan tercapai. Kalau tercapai pun mungkin telah disumbat ke dalam neraka dan setelah menerima azab siksa yang sekian lama setimpal dengan

balasan dari perbuatan-perbuatan jahat yang dilakukannya di dunia. Tetapi cubalah kita insafi, sedangkan terkena bara api sigup pun kita akan merasa sakit di dunia ini, apatah lagi dibakar dengan api neraka yang jauh lebih tinggi suhu panasnya dari api di dunia.

Firman Allah Taala dalam surah An-Nisa ayat 56 kira-kira bermaksud,

"*Sesungguhnya orang-orang yang kufur akan ayat-ayat Kami (Allah) akan Kami masukkan ke dalam api neraka. Setiap kali terbakar kulit mereka, Kami tukar dengan kulit yang lain, supaya mereka merasakan siksa yang bersangkutan. Sesungguhnya Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*"

Oleh kerana kita akan menempuh alam yang kekal abadi, iaitu akhirat, di mana menunggu salah satu dari dua tempat syurga atau neraka, maka marilah kita sentiasa bersedia dan beramal dengan amal-amal kebajikan sebanyak-banyaknya dan menjauhi maksiat kepada Allah, mudah-mudahan dengan cara itu kita insya-Allah akan digolongkan ke dalam golongan orang-orang salih yang diberi rahmat di dalam syurga yang kekal abadi.



HIJRAH KERANA CINTA.....?

SEKALI peristiwa diceritakan bahawa ada seorang sahabat yang bernama Hatib telah mencintai seorang gadis rupawan yang bergelar Ummi Qais. Sebagai kebiasaan orang yang bercinta, Hatib berusaha agar si gadis itu dapat dimilikinya. Dia pun meminang Ummi Qais sewaktu mereka sama-sama berada di Mekah lagi, tetapi malangnya gadis itu telah menolak pinangannya. Kemudian Ummi Qais pun berhijrahlah pula bersama-sama orang-orang Islam yang berhijrah ke Madinah.

Apabila berita itu sampai ke pengetahuan Hatib, dia amat berasa dukacita. Oleh sebab terlalu merindukan dan ingin memperisterikan Ummi Qais, lalu Hatib mengambil keputusan untuk berhijrah mengikuti langkah Ummi Qais ke Madinah, dengan harapan agar dia dapat memikatnya dan memujuknya semula sewaktu di Madinah nanti.

Jadi nyatalah sudah bahawa hijrahnya Hatib itu bukanlah semata-mata

kerana tujuan asal berhijrah ke sana; iaitu untuk mencari tempat perlindungan bagi Ugamanya. Tetapi di sebelah itu ada maksud lain yang lebih diutamakan; iaitu moga-moga ia dapat menukar keputusan Ummi Qais yang lalu dan moga-moga Ummi Qais akan menerimanya kali ini, sebab hatinya sangat sayang dan mencintai Ummi Qais.

Cerita hijrahnya Hatib sepenuhnya telah disampaikan kepada pengetahuan Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam. Oleh kerana itulah, maka Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam bersabda yang bermaksud: Dan barangsiapa hijrahnya kerana dunia (sebab-sebab keduniaan) yang ia ingin memperolehnya, ataupun kerana seseorang perempuan yang ia ingin menikahnya, maka hijrahnya itu adalah kepada apa yang ia berhijrah kepadanya.

Berpanduan hadis ini dapatlah kita mengatakan bahawa penghijrahan Hatib itu tidak mendapat pahala

apa-apa pun kerana tujuan utama ia berhijrah adalah semata-mata untuk menawan hati gadis yang dicintainya itu. Sedangkan tujuan utama Nabi dan pengikut-pengikutnya berhijrah adalah untuk membawa diri dan agama agar terselamat dari fitnah kekufuran yang mengancamnya di Negeri Mekah, yang mana semata-mata mentaati perintah Allah.

Bagi kita kaum Muslimin yang mengikuti cerita Hatib ini, janganlah menganggap yang celan ini hanya diujikan untuk Hatib seorang saja, tetapi di sebalik peristiwa ini ada pengajaran lain yang harus kita perhatikan supaya kita tidak menjadi seperti Hatib pula, sehingga celan itu menimpa kita bersama.

Dalam menjalani perintah agama, janganlah hendaknya kita menyangi ibadat-ibadat kita itu dengan hal-hal keduniaan. Bersedekah misalnya, janganlah membandingkan diri dengan melihatkan kepada orang lain yang kitalah yang paling

banyak menghulur derma. Kalau terjadi demikian ini bererti kita telah memasukkan hal-hal keduniaan dalam amalan kita.

Begitu juga dengan sembahyang. Kita cuma mendirikan sembahyang yang menjadi kewajiban kita di waktu-waktu tertentu apabila kena 'lagau' bersembahyang berjemaah, sedangkan pada hakikatnya kita lalai dan engkar melakukan kewajiban kita itu. Dan kita melakukannya suruhan agama tetapi adalah kerana untuk mengabui mata orang lain. Bukankah ini menipu dan merugikan diri sendiri? Dan ingatlah kewajiban itu tetap kewajiban dan bukan hanya dibuat bila di-'lagau'.

Sama jua halnya dengan membuat sesuatu pekerjaan. Ia sepatutnya dibuat berteraskan kerana Allah, dan bukannya untuk mendapat perhatian dan untuk membenarkan diri. Kalau kita berharapan sesuatu, ini bererti kita tidak ikhlas dalam menjalankan sesuatu itu dan bukanlah ia

Menuju keredaan Allah

dibuat kerana Allah tetapi mengharapkan sesuatu.

Lain-lain misalan dalam perkara ini terlalu banyak, dan ini bergantung kepada niat masing-masing. Oleh kerana demikian hendaklah kita berhati-hati dalam hal ini agar ibadat-ibadat kita tidak dikongsi dengan hal-hal keduniaan yang nyata sekali ditegah oleh Uqama Islam seperti hadis "Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam tadi, dan jika kedapatan yang kita melakukan sesuatu amalan itu dikongsi dengan hal-hal keduniaan, maka hendaklah kita sementara awal mengorak langkah untuk menguasai diri kita ke arah yang lebih baik dan sempurna apatah lagi bersempenan dengan tahun baru Hijrah ini.

BANCI PEKERJA 1984

PESURUHJAYA Buruh ingin menarik perhatian semua majikan di negara ini kepada kenyataan ini, iaitu mengikut kehendak Bab 3 (1) Undang-undang Maklumat Pekerjaan 1973, bahawa mereka adalah dengan ini dikehendaki menghantar kepada Pesuruhjaya Buruh, tidak lewat daripada 27 November, 1984 maklumat pekerjaan mengikut kehendak borang banci yang akan dikirimkan kepada mereka sebelum penghujung bulan (Oktober, 1984). Mana-mana majikan-majikan yang belum menerima borang banci pada penghujung bulan Oktober itu adalah dikehendaki untuk menghubungi Pejabat Pesuruhjaya Buruh, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam untuk mendapatkannya.

Kenyataan ini tidak dikenakan kepada majikan yang mengambil pekerja semata-mata untuk tujuan perkhidmatan-perkhidmatan rumah tangga.

MENTERI PELAJARAN TINJAU PERKEMBANGAN PELAJARAN DAERAH TUTONG

Oleh:

Haniza Abdullah
Gambar-gambar oleh:
Pg Haji Yaakub PMHH



YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menandatangani Buku Pelawat.

TUTONG. — Untuk meninjau lebih dekat lagi akan perkembangan pelajaran dan kesihatan di daerah ini, Menteri Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Utama Awang Haji Abdul Aziz telah mengadakan kunjungan singkat ke Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dan Rumah Sakit daerah ini pada Khamis lepas.

Ketibaan YDM Pehin di sini telah dialu-alukan oleh Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Abdul Aziz bin Mohamad, Pengetua Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Awang Haji Moksin Haji Kadir, dan Pegawai-pegawai pelajaran yang lain.

YDM telah diberikan taklimat berkenaan dengan struktur pentadbiran dan perkembangan sekolah tersebut sejak ianya ditubuhkan dari tahun 1967 yang telah disampaikan oleh

Awang Haji Moksin Haji Kadir bertempat di bilik taklimat di sini.

Kemudiannya Menteri Pelajaran dan Kesihatan telah dibawa melawat ke bilik-bilik darjah, kelas pertukangan kayu, Sains Pertanian, Makmal Sains dan Kutub-Khanah.

Dari sekolah ini Menteri Pelajaran dan Kesihatan selanjutnya berkunjung ke Rumah Sakit daerah tersebut, ketibaan beliau telah dialu-alukan oleh Doktor Haji Johar, Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan yang mana kemudiannya YDM juga telah diberikan taklimat berkenaan dengan struktur pentadbiran di sini oleh Pegawai Perubatan Daerah Tutong, Dr. Ekramul Hangu.

Seterusnya Menteri Pelajaran dan Kesihatan telah dibawa melawat ke bahagian-bahagian rumah sakit tersebut iaitu bahagian X-Ray, klinik gigi, wad-wad pesakit dan klinik dada.



MENTERI Pelajaran dan Kesihatan melawat bahagian rawatan gigi di Rumah Sakit Daerah Tutong semasa kunjungan YDM ke rumah sakit tersebut.



SMMMh adakan aliran Inggeris

TUTONG. — Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim di sini membuat pembaharuannya di minggu ketiga awal tahun ini dengan memulakan pelajaran aliran Inggeris khusus bagi Tingkatan Satu, di samping aliran Melayu yang sedia ada.

Keramaian penuntut aliran Inggeris kini mencapai berjumlah 172 orang dari keramaian 470 orang penuntut sementara tenaga pengajarannya sekarang berjumlah 61 orang termasuk guru dari luar negeri.

Memandangkan keramaian penuntut berjumlah 470 orang iaitu dari Tingkatan Satu hingga ke Tingkatan Lima, nyatalah sekolah yang ada sekarang ini tidak begitu mencukupi dan oleh itu sebuah blok asrama kini diubah suai bagi menampung 8 bilik darjah, 3 bilik guru, satu bilik taklimat dan stor.

Ini telah dinyatakan oleh Pengetua Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Awang Haji Moksin bin Haji Kadir ketika memberikan taklimat kepada YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan semasa lawatan Menteri berkenaan.

Sekolah ini letaknya di Bukit Bendera dalam kawasan seluas 75 ekar, ini termasuk 4 blok asrama, dapur dan dewan makan, dewan kumpulan, bangunan tukang kayu, bilik sains pertanian, blok rumah pangsa, 2 blok flat kelas 'C' dan 'E', 5 unit banglow, pavilion dan

trak arena sukan dan dua buah padang bola sepak.

Bangunan ini mula dibina pada tahun 1968 dan hanya dikenali sebagai Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim pada tahun 1972 kerana sebelumnya bangunan ini telah digunakan oleh Maktab Anthony Abell Cawangan Tutong.

Dalam bidang pentadbiran, Awang Haji Moksin seterusnya menerangkan bahawa sekolah tersebut ditadbir oleh seorang Pengetua dengan dibantu oleh Timbalan Pengetua dan Pegawai Kebajikan sementara Warden telah dilantik dari Jabatan Pelajaran untuk menjaga dan mengawasi penuntut asrama. Bagi melicinkan lagi pentadbiran yang sedia ada Pengetua telah melantik dan menubuhkan komiti-komiti,

jawatankuasa dan ketua-ketua jabatan.

Terdapat dua peringkat peperiksaan yang diduduki penuntut di sini, antaranya Sijil Rendah Pelajaran Brunei, dan Sijil Pelajaran Singapura peringkat 'O', namun begitu sekolah ini dahulunya pernah menduduki peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Malaysia dari tahun 1970 hingga 1973 dan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 1973.

"Dari jumlah keramaian penuntut yang lulus adalah 90% yang lulus terdiri dari penuntut asrama, kerana di asrama banyak kemudahan iaitu selain daripada belajar pada hari-hari biasa, mereka juga mengadakan kelas malam bermula dari pukul 7.30 hingga 9.30 malam dengan diawasi oleh guru-

guru mengikut jadual yang telah ditetapkan," kata Beliau.

Selain dari bidang akademik, pengawasan disiplin penuntut juga teratur di mana sekolah tersebut juga seperti kebanyakan sekolah yang ada di negara ini banyak menubuhkan pertubuhan-pertubuhan seperti pasukan-pasukan pakaian seragam, Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kadet Polis, Pengakap Venture, Pengakap, Pandu Puteri dan Brass Band.

Di samping aktiviti-aktiviti dalam yang sedia ada penuntut di sini juga aktif mengikuti aktiviti-aktiviti luar di antaranya Skim of Edinburgh, Seni Silat, Seni Drama, Karate, Kelab Kesenian dan Kebudayaan, Kelab Fotografi dan Badan UGAMA.



MENTERI Pelajaran dan Kesihatan sedang memperhatikan salah sebuah buku yang digunakan dalam mata pelajaran Sains Pertanian yang diajarkan di SMMMh.

KEDUDUKAN UGAMA ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN

SEBELUM kita bercakap dan menerangkan "Kedudukan Uagama Islam Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam Sebagai Cara Hidup Yang Lengkap" terlebih dahulu perlu kita 'saluk' mengapakah timbul Islam sebagai agama rasmi bagi negara ini? Apakah automaticaly kerana kita kebetulan orang Islam? Automaticaly kerana kita kebetulan bangsa Islam? Automaticaly kerana raja kita Islam? Jawabnya tidak mesti begitu, sebab ada negara yang mempunyai ciri-ciri yang sama seperti kita, tetapi tidak menjadikan Islam sebagai agama rasminya. Di Brunei cuma 60 hingga 70 peratus sahaja orang Islam, tetapi ada negara hingga 90 peratus penduduknya Islam, tetapi tidak menjadikan Islam sebagai agama rasminya.

Jadi kalau begitu tentu ada ciri lain atau latar belakang lain selain daripada latar belakang yang sedia ada yang kita telah sebutkan di atas. Ciri itu pada hemat saya ialah *sifat semulajadi* orang Brunei yang taat beragama menjadi punca sehingga Islam didaulatkan dalam negara ini sebagai cara hidup dan ugama rasmi. Biasanya orang boleh mendakwa sesuatu itu melalui tulisan sejarah. Barangkali bukanlah lapangan saya untuk membuktikannya melalui fakta sejarah.

Awang-awang dan Dayang-dayang boleh tanya nanti kepada YDM Pehin Orang Kaya Amar Diraja yang telah memulakan siri ceramah ini 2 hari yang lepas. Cuma saya di sini ingin membawakan bukti yang "ampai-ampai" mengapa saya katakan orang-orang Brunei kuat dan taat beragama. Cuba perhati alam semulajadi negara Brunei tidak dicemari oleh lambang-lambang kufur atau kesankusan kufur padahal negara ini juga tidak terlepas sejarahnya di luar Islam. Ia pernah disebut dalam riwayat China sebagai sebuah negeri tua. Dalam tahun 977 Masihi, Raja Puni (Brunei) telah menghantar utusan bersama ufti ke negeri China, bagi meminta Raja China menjaga keselamatan kapal-kapal Puni yang mungkin terdampar ke Negeri Champa. Dalam tahun 1370 Masihi utusan Maharaja China dalam Dinasti Ming singgah di Puni setelah melawat Jawa. Utusan itu telah mengingatkan Puni supaya menghantar ufti ke negeri China. Tetapi pada masa itu juga Puni di bawah takluk Majapahit yang melarang dari menghantar ufti ke negeri China. Ini semua menjadikan Puni serba salah, tetapi bagaimanapun pada tahun 1371 Masihi Puni menghantar juga ufti kepada China. Dan juga raja Brunei yang pertama sendiri Awang Alak Betatar mulanya bukan Islam.

PENGARUH BUKAN ISLAM

Semua ini alamat-alamat terang bahawa Brunei pernah di bawah pengaruh bukan Islam — China dan Majapahit. Tetapi kesan dari pengaruh-pengaruh itu amat sedikit, seperti juga tidak ada, macam kata peribahasa Arab "adanya macam tiada." Brunei tidak mempunyai Pagoda-pagoda dan lambang-lambang kufur yang kebal-kebal seperti di tempat-tempat lain. Cara hidup di Brunei menggambarkan suatu masyarakat yang sihat dan senunuh, bukan kecinaan atau kehinduan dan tidak juga kebaratan. Dan itu adalah kulitnya, sementara isinya pula lebih mengagumkan lagi terlampau ideal — unggul. Sayangnya saya belum hidup 200 atau 100 tahun yang silam, kalau tidak banyak yang saya boleh ceritakan kepada Awang-awang dan Dayang-dayang. Bagaimanapun Alhamdulillah, sehingga umur lewat suku

abad hingga membawa kepada hampir setengah abad ini, masih banyak juga yang dapat didengar daripada orang tua-tua yang berumur-berumur tentang orang-orang Brunei silam sama ada yang berkait dengan ciri-ciri kepahlawanan atau keugamaan. Tentang keugamaan kita sedikit-sedikit mendengar cerita tentang Pehin Tuan Imam Yaakub dalam zaman Sultan Mohiddin Sultan Brunei yang ke-14 kira-kira tahun 1680 Masihi. Pehin itu berasal dari Makassar, menahun dan belajar di Mekah Al-Mukarramah sebelum ke Brunei. Apabila sampai di Brunei terus 'rakat' dan digelar jadi Pehin Tuan Imam. Mengapa rakat dan digelar pula? Ini menandakan negara Brunei ini kecenderungan awalnya lagi sudah memuliakan ulama, kasih akan orang-orang alim, inilah yang menjadi sifat semulajadi orang-orang Brunei. Kerana itu jelas benar berkatnya. Raja dari turunturun lagi berguna kepada ulama, suka dan berhajat kepada nasihat-nasihat ulama. Kerana itulah wajah Brunei sampai sekarang wajah-wajah Islam, belum lagi bertukar wajah lain, walaupun sedikit-sedikit kadang-kadang terpakai make-up lain, tetapi sekadar make-up sahaja masih boleh dibasuh. Jangan asid berubah. Bagaimanapun jangan juga dipandang ringan berkenaan make-up ini, walaupun senang dibasuh



SEBAHAGIAN dari guru-guru yang mengikuti ceramah tersebut.

MUQADDIMAH

KEMENTERIAN Pelajaran dan Kesihatan kini sedang mengukuhkan pemahaman ke arah penerapan konsep Negara Melayu Islam Beraja di kalangan rakyat negara ini dalam matlamat Pengajian Dasar Negara yang sedang dilancarkan oleh Kementerian tersebut. Beberapa ceramah telah diadakan untuk mencapai matlamat tersebut. Berikut ini ialah ceramah yang disampaikan oleh YDM Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Timbalan Kadi Besar, Brunei Darussalam.



tetapi ia kalau terbiasa boleh membentuk sikap dan identiti. Sebab itu Islam pun di samping menekankan soal akidah, soal isi ia juga mementingkan syair: masjid perlu bisai-bisai, hebat-hebat dan pakaian jangan lupa, juga diatur oleh Allah dalam Quran. Jadi bukan kulit itu tidak penting, penting!

SUKA KEPADA ULAMA

Berbali kepada sifat semulajadi Brunei menghormati dan suka kepada ulama, suatu gambaran dari taat beragama, inilah suatu ciri yang tidak boleh diragukan lagi mengasaskan Brunei Islam. Dari raja-raja membawa kepada rakyat jelata sangat cenderung hati mereka kepada ulama. Lihat suatu kenyataan lagi sejarah ada menyebutkan, sebelum tahun 1410 Masihi seorang bangsa Arab dari Ta'if datang ke Brunei, namanya Sharif Ali, keturunan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam. Dia diterima baik oleh orang-orang Brunei, sehingga dengan cepat Islam berkembang di tangannya. Dia mendirikan masjid yang pertama di Brunei, dia menjadi imam dan khatib.

Sudah kita katakan tadi orang Brunei pantang datang tokoh ugama, apatah lagi sekarang keturunan seorang rasul Allah yang berjasa benar mengislamkan Brunei, Sharif Ali pasti kekal di Brunei. Orang Brunei mahu, raja Brunei ketika itu mahu. Apa

caranya, Sharif Ali lalu dikahwinkan dengan Puteri Sultan Ahmad, Sultan Brunei yang ke-2. Dan belum cukup setakat itu, apabila Sultan Ahmad mangkat kira-kira tahun 1425 Masihi, orang-orang Brunei meminta Sharif Ali menaiki takhta menjadi sultan kerana mereka sangat-sangat tertarik dengan Islam yang dibawanya dan juga kepada peribadinya sendiri lalu naiklah Sharif Ali menjadi sultan yang ke-3 Negeri Brunei dengan bergelar "Sultan Berkat."

PENGETAHUAN TENTANG HADIS

"Gelar" ini sahaja pun menandakan Brunei sudah sekian lama mengerti dan faham dengan mendalam tentang ugama. Mereka faham konsep menghormati ulama dan raja-raja, sehingga sebagai tanda dan panggilan kehormatan diabadikanlah "lakab" atau gelar "berkat" kepada raja yang berasal dari ulama ini. Ini menunjukkan telah ada pada masa itu pengetahuan orang-orang Brunei tentang hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam yang hadis-hadis bercakap mengenai umpamanya ada hadis yang ertinya: "Mulikanlah ulama sesungguhnya mereka itu di sisi Allah sangat mulia lagi dimuliakan oleh para malaikat." Sabdanya lagi yang ertinya: "Barangsiapa yang memuliakan orang alim, maka orang itu adalah

memuliakan aku (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam) dan barangsiapa yang memuliakan aku maka orang itu adalah memuliakan Allah, dan barangsiapa yang memuliakan Allah, maka tempat orang itu tiada lain melainkan syurga." Sabdanya lagi yang ertinya: "Barangsiapa yang memandang sekali pada wajah orang alim dan dia suka dengan pandangan itu, nescaya Allah jadikan seorang malaikat untuk memintakan ampun baginya (perkara ini berterusan) hingga hari kiamat."

Inilah Brunei kita. Dan sekali lagi saya suka tegaskan bahawa sikap teguh beragama, dan kasih serta gemar kepada ulama inilah dia sifat semulajadi orang Brunei, bangsa Brunei, raja-raja Brunei yang hingga ke abad ini, di zaman moden ini bertanggungan jawab melahirkan *Perlembagaan Brunei 1959* dengan isi yang terpenting di dalamnya ialah mendaulatkan Islam sebagai ugama rasmi negara.

PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI

Mari kita lihat sedikit isi perlembagaan itu manamana yang membabit ugama, sebagai ulangan sahaja kerana masing-masing saya percaya sudah pernah meneliti sendiri.

Di dalam Bahagian 11 tajuk "Ugama."

Perkara 3(1) menyebutkan: *Ugama rasmi bagi negeri ialah ugama Islam menurut Ahlis-Sunnah Waljemaah, tetapi ugama-ugama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya.* (2) *Ketua ugama negeri ialah sultan* (3) *pegawai-pegawai yang kanan sekali yang bertanggung jawab kepada sultan berkenaan dengan ugama, adat istiadat dan kebajikan negeri ialah pertama Pengetua Ugama, kedua Yang Dipertua Adat Istiadat dan ketiga Pegawai Kebajikan Masyarakat.*

Dalam Bahagian iii tajuk "Kuasa memerintah"

Perkara 4(5) — Walaupun sekarang setelah merdeka ini lain sedikit bentuknya, tetapi kita bercakap mengenai perlembagaan 1959 bahawa asas-asas itu kita yakin tidak berubah, trend masih ada

kekal — iaitu menyebutkan: *"Maka tidak ada sesiapa pun boleh dilantik menjadi Menteri Besar atau Timbalan Menteri Besar atau Setiausaha Kerajaan melainkan dia itu orang Melayu yang beragama Islam mengikut Mazhab Shafie Ahlis-Sunnah Waljemaah."*

Di dalam bahagian ini dari perlembagaan kita terang sikap bijaksana untuk memelihara negara ini supaya kulit dan isinya sekali tetap Islam. Islam tulen. Dari perkara akidah dan ciri-ciri amalannya, sampai kepada sistem politik negeri ini mestilah Islam dengan penekanan ketua-ketua pentadbirnya mestilah terdiri daripada orang-orang Islam.

KETEGASAN

Saya suka menarik perhatian dari ungkapan "Ugama rasmi bagi negeri ialah ugama Islam menurut Ahlis-Sunnah Waljemaah, tetapi ugama-ugama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya." — Saya pernah mendengar orang mengatakan atau berpendapat bahawa di sini tidak ada ketegasan (masih samar-samar) tentang perkara bagaimana mengembangkannya? Dari sudut perkataan undang-undang barangkali benar tidak ada terdapat ketegasan. Tetapi jangan lupa selain daripada "nas" undang-undang yang sudah memang tertulis itu, di sana ada pula yang dinamakan keharusan "tafsiran" kepada undang-undang yang ada itu. Dan lebih indah lagi di dalam kaedah Islam, diiktiraf ijihad hakim sebagai salah satu dari prinsip perundangan dalam Islam. Kalau hakim betul dalam ijihadnya diberi ganjaran banyak. Dan kalau takdirnya pun salah dapat 1.

*adi dalam soal ini, berda rkan prinsip undang-undang sendiri dan juga ugama Islam, mana-mana yang kita rasa belum tegas itu,

SISTEM KOMPUTER PENDAFTARAN TANAH

Sukacita dimaklumkan bahawa Sistem Pendaftaran tanah-tanah di Daerah Belait akan menggunakan Komputer untuk membantu kerja-kerja pendaftaran.

Kejayaan sistem ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya daripada tuan punya tanah-tanah berkenaan.

Oleh yang demikian nama-nama yang tersebut di bawah ini atau wakil-wakil mereka dijunjung/dipersilakan hadir ke Pejabat Tanah, Kuala Belait atau Pejabat Penaksir Tanah di Bandar Seri Begawan dengan seberapa segera yang boleh pada waktu-waktu Pejabat dibuka dengan membawa Kad Pengenalan dan semua geran-geran tanah yang dimiliki.

EDR NO.	LOT NO.	NAMA	LETAK TANAH
6	20	Amit bte Sanyah	Kuala Balai.
13	52	Asenah bte Gadong	Rampayoh, Labi.
13	52	Shurmoh bte Gadong	Rampayoh, Labi.
13	52	Omar bin Gadong	Rampayoh, Labi.
15	107	Gading bte Dagang	Bukit Sawat.
19	30	Deris bin Wahab	Kuala Balai.
31	36	Metassan bin Burut	Kuala Balai.
68	94	Kandang bte Katong	Sungai Tanajor, Labi.
68	94	Amit bin Katong	Sungai Tanajor, Labi.
86	65	Banun bte Ingu	Rampayoh, Labi.
86	65	Lawin Anak Gobar	Rampayoh, Labi.
89	63	Bayang anak Ningkan	Rampayoh, Labi.
90	72	Bulan bte Ukat	Rampayoh, Labi.
90	72	Reput bte Garai	Rampayoh, Labi.
102	34	Adam bin Gani	Kuala Balai.
102	34	Radin bin Serudin	Kuala Balai.
102	34	Lewin bin Supin	Kuala Balai.
122	132	Jimah bte Che Mat	Bisut, Bukit Sawat.
135	88	Bujang bin Yusof	Lubok Tapang, Kuala Balai.
158	139	Bintang bte Rendah	Sungai Damit, Kuala Balai.
165	141	Nachi bte Panji	Kuala Balai.
189	98	Pg Damit bin Pg Sunggoh	Tanajor, Labi.
213	126	Samir bin O.K.S. Menteri	Kuala Belait.
217	158	Chin Ku Sui	Labi.
217	158	Choon Moi	Labi.
217	158	Chin Kee Chiew	Labi.
220	161	Tan Syn Thiong	Rampayoh, Labi.
245	432	Dayang Norlian bte Mohamed Yusof	Gatas, Labi.
249	438	Lee Kuai	Tanajor, Labi.
253	188	Dayang Siti bte Mudim Bakar	Kuala Belait.
308	240	Kalau bin Elek	Rampayoh, Labi.
315	249	Abang Bujang bin Hj Mohammad	Kuala Belait.
317	476	Teo Thiam Teck	Kuala Belait.
317	476	Lim Ching	Kuala Belait.
340	368	Mainah bte Lias	Kuala Belait.
338	402	Sati bte Patak	Kuala Balai.
338	402	Jane bte patak	Kuala Balai.
338	402	Udek bte Patak	Kuala Balai.
338	402	Siti bte Patak	Kuala Balai.
338	402	Piah bte Patak	Kuala Balai.
338	402	Amit bte Patak	Kuala Balai.
354	411	Sunin bin Tusan	Kuala Balai.
367	347	Mat Nur bin Sandur	Kuala Balai.
369	404	Kandong bte Luping	Kuala Balai.
437	414	Larai bin Jau	Kuala Balai.
445	381	Balaleh bte Lidam	Kuala Balai.
451	395	Tusan bin Hassan	Kuala Balai.
490	473	Yusof bin Suring	Ujong Daun, Kuala Balai.
512	485	Kuti bin Jili	Labi.
540	628	Jamidah bte Adam	Tanajor, Labi.
569	672	Law Siew Chi	Pandan, Kuala Belait.
574	570	Law Ngen Chan	Labi.
583	514	Drahin bin Buju	Sawah Mobil, Labi.
587	523	Mat Ling bin Ampa	Sawah Mobil, Labi.
613	624	Mohamed bin Haji Abd Ghani	Sawah Layong, Labi.
637	593	Lamit bin Bua	Sawah Gatas, Labi.
667	737	Irene Tan Choon Lian	Kuala Belait.
704	651	Lim Soon Nyuk	Tanajor, Labi.
706	789	Liong Nyit Kiew	Kuala Belait.
724	818	Law Nam Loi	Lubok Palam, Kuala Belait.
730	791	Chan Sai Kew	Kuala Belait.
732	790	Chong Kee Gong	Kuala Belait.
732	790	Chong Ah Fook	Kuala Belait.
732	790	Chan Soo Mee	Kuala Belait.
736	775	Lau Chin Hong	Kuala Belait.
739	644	Liew Fong	Tanajor, Labi.
790	577	Sadih bte Bungsu	Sawah Buah Laling, Labi.
823	854	Hew Me Nyut @ Hee Mei Geok	Kuala Belait.
843	876	Yong Moi	Lubok Palam, Kuala Belait.
844	649	Ching Choo @ Chang Shoo	Tanajor, Labi.
845	650	Liong Hau	Tanajor, Labi.
867	917	Chee Kam Hee	Gatas, Labi.
896	632	Mihong bin Orang Kaya Mumin	Tanajor, Labi.
903	981	Dorothy Chin @ Liong Ah Hiong	Kuala Belait.
909	585	Rakiah bte Terapan	Labi.
961	957	Aminah bte Mohamad	Lumut.
961	957	Mazalan bin Mahari	Lumut.
1010	1025	Anai bin Binjai	Saberang, K. Belait.
1012	979	Garuntang bin Jair	Bukit Usong, Bukit Sawat.
1019	1028	Thien Ah Kiaw	Pandan, K. Belait.
1039	1048	Omeh bte Embong	Gatas, Labi.
1069	1080	Kandong bte Luping	Kuala Balai.
1077	1083	Mayang bte Asam	Sungai Mendaram, Labi.
1077	1083	Kurai bte Asam	Sungai Mendaram, Labi.
1089	1159	Chu Mee Ying	Turunan, Labi.
1106	1098	Mohd Jali bin Radin	Penyarpap, Kuala Balai.

1113	1155	Yusof bin Gadong	Kuala Balai.
1117	1124	Sisah bte Jaya	Kuala Balai.
1126	1143	Mujun bin Burit	Kuala Belait.
1127	1137	Amat bin Hassan	Sungai Damit, Kuala Balai.
1129	1142	Loo Piang Chong	Sungai Damit, Kuala Balai.
1168	1188	Ah Tong	Sungai Damit, Kuala Balai.
1176	1189	Tagong bin Indit	Sungai Lutong, Kuala Balai.
1193	1235	Peter Po Chin Chee	Lubok Palam, Kuala Belait.
1207	1194	Siti Awa bte Bangkit	Pangkalan Seyong, Bukit Sawat.
1208	1187	Adam bin Silot	Pangkalan Seyong, Bukit Sawat.
1226	1209	Lahap bin Latip	Paya Lumpor, Labi.
1234	1198	Lo Khiew	Kanapol, Labi.
1235	1268	Mail bin Narudin	Labi.
1236	1199	Jee Ah Nee	Kanapol, Labi.
1392	368	Isah bte Ishak	Seria.
2058	2058	Lim Chin Teng	Gana, Sungai Liang.
2064	2064	Yee Min Fun	China, K. Belait.
2065	2065	Chan Hal Len	China, K. Belait.
2071	2071	Liew Thin Hong	Gana, Liang.
2105	2105	Fatimah bte Badar	Labi.
2111	2111	Normah bte Nasir	Simpang Labi.
2239	2534	Pakak bin OK Gani	Mendaram, Labi.
2257	2257	Liew Yan	Gatas, Labi.
2260	2537	Jelaudin bin Hamsah	Ratan, Labi.
2278	2531	Pungot bin Panjang	Ratan, Labi.
2286	2286	Haris bin Alias	Kuala Balai.
2304	2304	Mohamad bin Jambol	Kuala Balai.
2335	2336	Aidah bte Duraman	Labi.
2336	2516	Wong Shen	Badas, Seria.
2345	2519	Poi Lam	Terawan, Labi.
2347	2521	Mat Tahir bin Langgan	Lubok, Tapang.
2352	2524	Hiew Fook	Badas, Seria.
2354	2525	Liew Fook Yu	Badas, Seria.
2370	2504	Liew Chin Fook	China, Kuala Belait.
2387	2387	Chong Bon Hoo	Sungai Liang.
2395	2395	Sujian bin Lami	Sungai Damit, Kuala Balai.
2405	2405	Tan Choo Yoke	Kuala Belait.
2414	2582	Bunta bin Rajah	Sungai Liang.
2436	2436	Sim Yin Su	Pandan, Kuala Belait.
2440	2440	Tsz Shuen Sung	Kuala Belait.
2453	2803	Gan Siew Fung	Labi.
2455	2805	Liong Hau	Tanajor, Labi.
2492	2590	Fong Kon Loi	Lubok Palam, Kuala Belait.
2514	2613	Haji Abdul Hamid bin Wahid	Pandan, Kuala Belait.
2520	2357	Peng Hin Khui	Pandan, Kuala Belait.
2531	2630	Teo Keng Seng	Kuala Balai.
2739	2647	Ngau Ah Chin	Kuala Belait.
2764	2846	Pengiran Yusof bin Pg. Ahmad	Sungai Liang Besar.
2767	2849	Andin bin Pengasau	Kg. Keluyoh, Bukit Sawat.
2772	2854	Hashim bin Adil	Lubok Tapang, Kuala Balai.
2781	2863	Haji Mat Ahmed	Sungai Tali, Seria.
2784	2866	Ibrahim bin Md. Daud	Sungai Tali, Seria.
2788	2870	Lau Kee Yap	Lubok Palam, Kuala Belait.
2800	2881	Rabiah bte Sudin	Sungai Gana, Sg. Liang.
2819	2899	Aman bin Sapar	Paya Lumpor, Ratan Labi.
2820	2900	Mat Suhud bin Mail	Paya Lumpor, Ratan Labi.
2825	2905	Abu Bakar bin Haji Mahmud	Sungai Liang Kechil.
2849	2925	Sarifah Murdiah	Sungai Teraban, Kuala Belait.
2865	2938	Cho Ah Voo	Jalan Bunga Raya, Kuala Belait.
2866	2939	Loo Khuan Fong	Jalan Bunga Raya, Kuala Belait.
2884	2955	Loo Soon Hung	Kuala Belait.
2890	2961	Abdul Rahman bin Abas	China, Kuala Belait.
2912	2981	Sabang bin Ningkau	China, Kuala Belait.
2921	2987	Libah bte Abu Bakar	Paya Mubil, Labi.
2935	3001	Lim Hoi Tee	Ujong Daun, Kuala Balai.
2935	3001	Ang Kui Hiang	Tunggulian, Sungai Liang.
2970	3011	Mohammad Noor bin Othman	Tunggulian, Sg. Liang.
3003	3042	Munap bin Jarudin	Kuala Balai.
3005	3044	Hamzah bin Ahmad	Turunan, Labi.
3010	3049	Lamit bin Bua	Pandan, Kuala Belait.
3013	1104	Amit bin Mat Ajang	Simpang Labi.
3033	3069	Opak bin Bidang	Kajiten, Kuala Balai.
3049	3085	Inchi bin Ah Seng	Merangking, Bukit Sawat.
3056	3092	Law Nyuk Heng	Kuala Balai.
3066	3102	Akam Anak Matau	Tarawan, Labi.
3139	3289	Dy. Fatimah bte Abang Razali	Sg. Banggarang, Sukang.
3142	3245	Lai Kim Yun	Sg. Kang Lumut.
3163	3284	Mawat Anak Unting	Lubok Palam
3167	3285	Linggang Anak Ngadan	Kuala Belait.
3181	3289	Mdm. Winifred Lau & Newn Shak Jin	Banggarang, Sukang.
3185	3311	Abas bin Lila	Sg. Banggarang, Sukang.
3187	3310	Liew Nyuk Meng	China, Kuala Belait.

rtb Intisari minggu ini



RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini bersama awda lagi dengan menampilkan peserta kita kali ini Dayang Razinah binti Abdul Razak, di No. 70 Kampong Bukit Berpagar, Sinaut, Tutong.

Dayang Razinah akan bersama awda semua pada hari Selasa 30 Oktober jam 4.00 petang.

Radio Minggu Ini:

BAHAN-BAHAN RANCANGAN RADIO

SEJAK mula Radio Brunei ditubuhkan, janya tidak pernah melaungkan tentang sebarang pembayaran cukai yang mungkin saja belum dijelaskan kerana memilikinya. Perkhidmatan radio adalah khidmat yang diterima oleh pendengarnya secara percuma, bertujuan besar untuk memberikan penerangan yang berguna dan sebagai lidah perantaraan kerajaan kita dengan rakyat seluruhnya.

Kerana fungsi radio begitu, kadang-kadang pendengar menjadi keliru dengan orang-orang radio itu sendiri. Mereka yang kedengarannya seolah-olah orang yang tidak mengenal ketandusan bahan untuk disiarkan, disalah mengertikan pula sebagai orang yang serba mengetahui akan pergolakan di sekitar negara kita. (Bahan dalam istilah radio adalah isi untuk memenuhi sesuatu rancangan yang diterbitkan). Tapi orang

radio juga adalah di antara masyarakat biasa kita, yang tidak akan tahu jika tanpa diberitahu oleh mana-mana pihak.

Kerana itulah sebarang peristiwa penting yang patut diketahui oleh orang ramai adalah menjadi sumber yang maha penting dan berguna untuk radio, lebih-lebih lagi untuk rancangan-rancangan yang berupa penerangan atau majalah. Kerjasama dari pihak-pihak tertentu adalah sangat-sangat dihargai, lebih-lebih lagi di saat genting radio mengalami kekurangan bahan untuk dikeuarkan.

Walaupun begitu ada juga saitanya radio 'limpar' dengan bahan-bahan untuk siarannya dan keadaan beginilah yang menimbulkan seri di wajah orang-orang radio yang memerlukan dalam masa-masa yang tertentu.

Kerja orang radio bukanlah hanya setakat membuat penghebahan, tetapi di luar daripada itu dan mungkin juga di luar pengetahuan pendengarnya, orang radio biasa menjadi pengembara dan jika perlu menjelajah di mana juga tempat di tanah-air kita ini dan bertujuan

hanya satu, iaitu untuk mendapatkan bahan yang diperlukan bahan untuk disiarkan, bahan untuk panduan.

Hanya setelah cukup rempah-ratusnya, cukup syarat-syarat untuk siarannya maka sesuatu ruangan yang dikuasakan itu pun terisilah. Perkaranya isi-mengisi ruangan ini memang sudah tersurat dalam perjanjian kerja orang-orang radio dengan cara mencari pengisi itu sama ada dengan jalan sukar ataupun mudah untuk mendapatkan.



DALAM gambar ini kelihatan pelakon-pelakon drama dari novel Mail Mau Kawin yang kini terus kami siarkan melalui Radio Brunei pada tiap-tiap hari Khamis jam 4.00 petang dan diulang siarannya pada hari Ahad jam 9.00 malam bagi tujuan membantu pelajar Menengah Empat dan Lima khasnya kepada mereka yang akan mengambil peperiksaan Sijil Am Pelajaran Singapura pada bulan depan.

Sandiwara radio:

"MENITI CABARAN HIDUP"

JIKA para pendengar pernah mengikuti sandiwara radio yang lepas berjudul "Mencari Dahan Tempat Bergantung," tulisan Tarip Hamid, Brunei, para pendengar pasti masih ingat akan watak-watak Inspektor Adam, Faridah dan Dr. Rohaya.

yang sama mengutarakan lagi sebuah kisah sebagai ekoran dari cerita di atas yang diberi judul "MENITI CABARAN HIDUP" untuk mengisahkan Sandiwara Radio Minggu Ini.

Inspektor Adam yang begitu berkeras hendak men-

dan bekas pesakit jiwa mendapat tentangan yang hebat dari ayahnya sendiri. Walaupun ditentang keras, Adam tidak berputus asa untuk terus memujuk ayahnya agar merestui perkahwinannya nanti. Faridah pula memang terasa berat untuk menerima Adam kerana khuatir akan memecah-belahkan keluarganya.

Kerana juduh mereka sudah ditentukan, akhirnya mereka bertemu juga sebagai suami isteri yang sah walaupun telah melalui berbagai rintangan. Setelah tercapai apa yang dihaajatkan, mereka menyangka segala masalah mereka sudahpun berakhir.

Apa yang mereka impikan adalah sebaliknya. Keadaan mereka menjadi semakin buruk setelah menjadi suami isteri. Faridah tiba-tiba saja berubah menjadi seorang yang tidak siaman dan membenci suaminya sendiri.

Kerana keadaannya itu ia dirawat di rumah sakit di bawah jagaan Dr. Rohaya. Setelah disiasat, didapati Faridah tidak mempunyai sebarang penyakit. Dr. Rohaya menasihatkan Adam supaya berusaha mengubati Faridah dengan perubahan kampung dan Adam bersetuju mencubanya.

Setelah berubab dengan seorang bomoh, Faridah pun dapat dipulihkan seperti biasa. Ada sesuatu yang mengejutkan Adam apabila bomoh memberitahu tentang punca penyakit Faridah itu. Apakah sebenarnya punca yang dikatakan itu? Mungkin kinkah masih ada orang yang berniat jahat terhadap mereka berdua? Ikutilah penyelesaian cerita ini melalui siarannya pada 28 Oktober, 1984 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Helen Thu.

BORANG PERMOHONAN UNTUK MENJADI PENYAMPAI BAGI RANCANGAN TELEVISYEN PENDIDIKAN

TELEVISYEN Pendidikan menghendaki seorang lelaki untuk menjadi penyampai bagi sebuah rancangan khusus untuk kanak-kanak. Pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 30 tahun. Fasih berbahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

Mereka yang berminat bolehlah memohon dengan menggunakan borang di bawah dan hantarlah tidak lewat dari 25 Oktober, 1984.

Kepada
Ketua Televisyen Pendidikan
Bahagian Televisyen Pendidikan
Radio Televisyen Brunei
Negara Brunei Darussalam.

Sukacita saya memohon menjadi penyampai bagi rancangan yang berkenaan.

Nama
Umur No. Kad Pengenalan
Tinggi
Alamat persuratan
Alamat Tetap
No. Telefon Rumah No. Telefon Pejabat
Pengalaman

Saya mengaku butir-butir di atas adalah benar. Saya bersedia bila-bila masa jika dipanggil untuk ujian ke studio Radio Televisyen Brunei.

Tarikh Tandatangan



MAJLIS KONVOK

GADONG. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Khamis lepas telah berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen ke-12 Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong.

Di Majlis Konvokesyen tersebut Baginda berkenan bertitah dan seterusnya mengisytiharkan penukaran nama baru bagi maktab tersebut menjadi Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah.

Sejurus selepas bertitah, Baginda kemudiannya berkenan mengurniakan sijil-sijil kepada 194 orang guru-guru terlatih serta juga hadiah-hadiah kepada penuntut terbaik bagi sesi 81-84.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap

Timbalan Menteri Kewangan dan lain-lain ahli kerabat Diraja.

Juga hadir termasuklah pembesar-pembesar negara dan lain-lain pegawai kanan kerajaan.


Terdahulu dari itu majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Marsal bin Hj. Masir dan ini diikuti pula dengan sembah alu-aluan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj. Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan yang menyembahkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke majlis tersebut.

Keberangkatan Baginda pada hari itu telah dijunjung oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan dan lain-lain pegawai kanan dari Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.

Persembahan pukulan Hadrah dan guling tangan serta Lagu Rasmi Maktab turut menyeronokkan majlis, sementara doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadi Besar Negara Brunei Darussalam.

Gambar-gambar oleh Pg Abu Bakar PHO dan Pg haji Yaakub PMHH

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, ketika melafazkan titah di Majlis Konvokesyen ke-XII Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah pada hari Khamis lalu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menekan punat dan serentak dengan itu tirai penutup papan nama Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah terbuka (gambar kiri), sejurus selepas Baginda mengisytiharkan penukaran nama maktab tersebut.

PERSEMBAHAN gulingtangan daripada guru-guru yang mengikut kursus di maktab tersebut juga turut menyeronokkan majlis pada hari itu.

KUMPULAN Koir MPSH mempersembahkan dua buah laq — Allah Peliharakan Sultan dan laq rasmi Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah sejurus selepas keberangkatan Baginda ke majlis tersebut.

Rabu 24 Oktober, 1984.

YEN KE 12 MPSHB



Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Bolkiah dan lain-lain kerabat Diraja ketika berangkat ke majlis tersebut (gambar atas).

gambar-gambar bawah kelihatan Baginda mengurniakan sijil kepada salah seorang penuntut lelaki dan perempuan yang telah bersus di maktab tersebut.



PENGETUA MPSHB, Awang Haji Kassim bin Haji Adis menyambahkan sebuah cenderamata ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di akhir majlis pada hari itu.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah ketika berangkat ke majlis tersebut.



SEBAHAGIAN dari penuntut MPSHB berbaris di sepanjang jalan masuk ke kawasan maktab untuk mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (atas).

EMPAT orang penuntut perempuan sedang menatap sijil yang mereka terima. Dari raut wajah penuntut-penuntut tersebut jelas membayangkan kegembiraan di atas kejayaan yang mereka perolehi itu (kiri).

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU 24 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 FRAGGLE ROCK
- 5.00 INSPECTOR GADGET
- 5.30 DIFFERENT STROKES
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.10 AZAN MAGHRIB
- 6.20 TEKAT TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HART TO HART: "Love Game"
Dalam satu perlawanan tennis Jonathan berpasangan dengan Martina Navratilova untuk mendedahkan penipuan seorang pemain tennis profesional dan seorang stockbroker yang mengugatnya.
- 7.24 AZAN ISYAK
- 7.28 HART TO HART — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 MAGGIE BRIGGS: "Roman Holiday"
- 9.35 THE MISSISSIPPI: "Joey"
- 10.15 TAYANGAN GAMBAR: "Rivals"
Seorang janda menyerahkan hartanya kepada anak lelakinya berumur 10 tahun yang pintar. Kemudian dia mengahwini seorang pemandu bas. Kasih sayangnya menjadi berbelah bahagi terhadap anak dan suami barunya yang masing-masing berkehendakan perhatiannya. Pelakon-pelakon: Joan Hackett, Robert Kelain, Scoot Jacoby, dan lain-lain.
- 11.45 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 25 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 FAT ALBERT AND THE COSBY KIDS
- 5.50 AGAINST THE ODDS
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 AGAINST THE ODDS — sambungan
- 6.10 AZAN MAGHRIB
- 6.20 WONDERS OF THE WORLD

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TRAUMA CENTER: "The Silent Sound"
- 7.24 AZAN ISYAK
- 7.28 TRAUMA CENTER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 HIDAYAT
- 9.05 DUNIA MINGGU INI
- 9.35 HAWAII FIVE O: "The Morroville Convent"
- 10.35 MAN ABOUT THE HOUSE: "Carry Me Back To Old Southampton"
Sesudah tidak berjaya dalam satu peperiksaan, Robin bercadang untuk berhijrah ke Southampton. Sahabatnya Larry ingin menggantikan tempat tinggalnya bersama Chrissy dan Jo tetapi mereka mahu mengenalnya lagi terlebih dahulu.
- 11.05 POT BLACK 1983
- 12.05 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 26 OKTOBER

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.25 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN JACQUES COUSTEAU'S ODYSSEY (Episod terakhir)
- 1.25 "Lost Relics of the Sea"

PETANG

- 2.10 CRUSADER RABBIT: "The Great Baseball Mystery"
- 3.00 RUBIK: THE AMAZING CUBE: "Rubik And The Science Fair"
- 3.25 WEBSTER
- 3.28 AZAN ASAR
- 3.32 WEBSTER — sambungan
- 4.00 MILLER'S COURT
- 4.30 RENTAK TARI
- 4.55 SCIENCE WORKSHOP
- 5.15 EXPEDITION DANGER
- 5.45 TOWARDS 2000
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
- 6.09 AZAN MAGHRIB
- 6.19 TEKA TEPAT

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 'V' SERIES
- 7.23 AZAN ISYAK
- 6.27 'V' SERIES — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 DRAMA INDONESIA: "Teku Teki Sembilan Orang" Bhg. 1.
- 9.45 KNOTS LANDING: "Money Talks"
Abby dan Greg menjalin satu permaafakatan manakala Gary menempawa Cathy untuk tinggal bersama.
- 10.45 REGGIE: "Seduction of Reggie"
- 11.15 MIKE HAMMER: "Satan-Cyanide And Murder"
- 12.05 GLEN CAMPBELL
- 12.30 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 27 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 MARINE BOY: "Secret Of The Time Capsule"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WILD AUSTRALIA: "THE SOUTHERN EDGF: Bird Harbour"
Berbagai jenis burung mencari perlindungan di tasik binaan manusia berdekatan dengan pelabuhan Melbourne.
- 6.09 AZAN MAGHRIB
- 6.19 WILD AUSTRALIA — sambungan
- 6.31 DOMESTIC LIFE: "R.P. Rides Again"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 KNIGHT RIDER: "Race For Life"
Michael dan K.I.T.T. berkejar dengan masa untuk mencari seorang perderma sejenis tulang (bone marrow) yang dikehendaki untuk menyelamatkan nyawa seorang gadis. Sayangnya penderma dikenali sebagai seorang pembunuh.
- 7.23 AZAN ISYAK
- 7.27 KNIGHT RIDER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 MARI MEMASAK: "Daging Steak Berhias"
Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
- 9.35 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Sikit Punya Gila"
- 11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "The Tiger Makes Out"
Bagaimana akhirnya jika seorang lelaki pertengahan umur dan frust menjadi seorang penculik wanita dan di antaranya seorang isteri yang frust juga?
- 12.35 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 28 OKTOBER

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 2.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 BIG LEAGUE SOCCER
- 3.10 TEETIME AND CLAUDIA
- 3.22 PINK PANTHER INSPECTOR
- 3.28 AZAN ASAR
- 3.32 PINK PANTHER INSPECTOR — sambungan
- 3.50 JEFFERSONS
- 4.20 FANTASY ISLAND
- "Nurses Night Out" Bhg. II
- 5.15 HONDO: "The Commancheros"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 BRITANNICA PHENOMENAL WORLD: "The Time Factor"
Kita hidup dengan mengikut peraturan masa. Kita betulkan jam untuk menurut panggilannya. Rancangan ini ialah satu fokus khas terhadap penglibatan kita dengan pusingan "bulatan" semula jadi yang terdapat dalam diri kita.
- 6.09 AZAN MAGHRIB
- 6.19 BRITANNICA PHENOMENAL WORLD — sambungan
- 6.30 BENSON: "Katie's Cookies"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SIMON AND SIMON: "John Doe"
- 7.23 AZAN ISYAK
- 7.27 SIMON AND SIMON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DARI DEWAN RAYA
- 9.20 RAGE OF ANGEL Bhg. 2
- 10.10 CONDO: "The First Fight"
- 10.40 REILLY: ACE OF SPIES: "The Last Journey"
- 11.40 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 29 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 DUKE OF HAZZARD: "The Greece Fleece"
- 5.00 SMURFS
- 5.30 EXPLORE (Siri baru)
- "Headhunters of Borneo"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TEKA TEPAT
- 6.09 AZAN MAGHRIB
- 6.19 TEKA TEPAT

MALAM

- 12.30 SIARAN TAMAT.
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 BARE ESSENCE: Satu parti besar-besaran telah diatur untuk meraikan Sean ke dalam kumpulan keluarga Margaret. Di waktu yang sama Niko pula mengatur satu perayaan di laut Aegean untuk memaklumkan tujuannya hendak memperisterikan Lady Bobbi, satu rancangan yang menghadapi banyak rintangan.
- 7.23 AZAN ISYAK
- 7.27 BARE ESSENCE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 WRESTLING
- 10.00 DOKUMENTARI: JOURNEY INTO INDIA: "Simla"
- 10.30 MYSTIC WARRIOR Bhg. 2
- 11.30 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 30 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN

- 4.30 ARCHIES TV FUNNIES
- 5.00 WORLD OF SURVIVAL: "Island Of Gannets"
- 5.30 BUGS BUNNY SHOW
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NOVA: "Artists In The Lab"
Penonton dibawa mengenal bagaimana special effects dalam cerita Star Wars mempunyai "magic" seperti juga yang dipaparkan dalam plot ceritanya.
- 6.09 AZAN MAGHRIB
- 6.19 NOVA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE FALL GUY: "King Of The Cowboys"
Seorang penipu bernama La Rue memelihara banyak kuda yang selalu digunakannya untuk menyeludup intan dalam kuku (hooves) kuda-kudanya. Rahsianya terbongkar apabila salah seekor kuda yang disewakannya, tercedera kukunya yang mengandungi intan.
- 7.23 AZAN ISYAK
- 7.27 THE FALL GUY — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 ARENA SUKAN
- 9.35 YELLOW ROSE: "Sport of King"
- 10.30 TAYANGAN GAMBAR: "Hardcastle and McCormick"
- 12.10 SIARAN TAMAT.

Rancangan TVP dari 29 - 31 Oktober

ISNIN — 29 OKTOBER

PAGI

- 8.50 SAINS DAN HIDUPAN DI BRUNEI (Sumboi-Sumboi)
Rancangan ini membawa murid-murid mempelajari berkenaan dengan sejenis tumbuhan yang dikenal dengan nama periuk kera atau sumboi-sumboi. Murid-murid tentu kenal dengan pokok ini kerana ia tumbuh di merata-merata tempat di Brunei. Perkara yang luar biasa mengenai perkara ini ialah periuk yang terdapat di hujung daunnya. Apakah gunanya periuk ini? Berapa jenis pokok periuk kerak terdapat di dunia ini dan di manakah yang paling banyak?

- 9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (A Picnic at the seaside)
Dalam rancangan minggu ini, murid-murid akan dapat melihat Izat bersama Jay Jay berkilah di Pantai Lumut. Murid-murid jua akan dihiburkan sebuah lagu yang dinyanyikan oleh Izat dan Jay Jay. Di Magic Pool murid-murid akan diajar beberapa perkataan yang bermu'a dengan huruf 'z'.

SELASA — 30 OKTOBER

PAGI

- 8.50 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI BRUNEI (Sumboi-Sumboi)
- 9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (A Picnic at the seaside)

RABU — 31 OKTOBER

PAGI

- 8.50 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI BRUNEI (Sumboi-Sumboi)
- 9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (A Picnic at the seaside)

Perhatian: Rancangan Televisyen Pendidikan akan berakhir pemancarannya pada hari Rabu 31 Oktober, 1984 bagi Penggal III, 1984.

Rancangan

Rancangan



RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

HARI RABU 24 OKTOBER

PAGI: 9.00—Taman Mekar (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Permintaan Pagi Rabu, 11.15—Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30—Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00—Dunia Wanita (SU), 9.30—Penyanyi Minggu Ini, 3.15—Lagu-lagu Tanpa Nanyian, 3.30—Bahasa Sekolah-sekolah (SU), 4.00—Hiburan Petang, 4.30—Bangsawan Di Udara (Seri Rama siri kesembilan), 5.00—Rampai Petang, 5.15—Sudut Pelita (SU), 5.45—Senandung Senja, 6.00—Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00—Titian Budaya (SU), 7.15—Selingan Irama, 8.15—Permintaan Sukaramai, 9.15—Pertandingan Aslirang Peringkat Suku Akhir '84 siri ke-2.

HARI KHAMIS 25 OKTOBER

PAGI: 9.00—Sains dan Perusahaan (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Penglipur Lara, 10.30—Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30—Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih.

PETANG: 2.00—Tetamu Minggu Ini (SU), 2.30—Fokus, 3.15—Hiburan Petang, 3.30—Majalah Ugama, 4.00—Drama dari Novel, 4.30—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Bacaan Surah Yassin, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Bimbingan Al-Quran, 9.00—Lagu-lagu Asli, 9.30—Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 26 OKTOBER

PAGI: 9.00—Majalah Radio (SU), 9.30—Nada Pedoman, 10.15—Soalan Di Udara, 10.30—Tafsir Al-Quran (SU), 11.00—Mutia Asli, 11.30—Bimbingan Al-Quran (SU), 12.00—Pedoman Hidup, 12.15—Bacaan Al-Quran, 12.30—Siaran Langsung Menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

TENGAH HARI: 1.15—Selingan Irama, 1.45—Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00—Lukisan Masyarakat, 2.30—Hiburan Petang, 3.15—Hiburan Pilihan, 3.20—Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00—Permintaan Jiran Tetangga, 4.30—Dunia Wanita, 5.00—Hiburan Petang, 5.45—Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00—Cerpun Dan Salukan, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Majalah Ugama (SU), 9.00—Alam Remaja (SU), 9.30—Hiburan Malam.

HARI SABTU 27 OKTOBER

PAGI: 9.00—Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30—Hiburan Riang Ria, 9.45—Soalan Di Udara (SU), 10.15—Varia Peristiwa (SU), 10.30—Rampai Sari.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00—6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30—12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah
Siaran langsung menuaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.25 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita Perdana)

8.00 pagi

10.00 pagi

12.45 tengah hari

1.30 tengah hari (hari Jumaat)

3.00 petang

5.30 petang (Berita Perdana)

8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

TENGAH HARI: 1.30—Lagu-lagu Dari Filem, 2.00—Permintaan Hujung Minggu.

PETANG: 3.15—Hiburan Petang, 3.30—Cerpun Dan Salukan (SU), 4.00—Mutia Asli (SU), 4.30—Rampai Petang, 5.45—Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00—Tinjauan (SU), 8.15—Syair Perlembagaan, 8.30—Bangsawan di Udara (SU), 9.00—Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD 28 OKTOBER

PAGI: 9.00—Taman Mekar, 9.30—Hiburan Hari Minggu, 10.15—Majalah Perdana, 11.00—Hiburan, 11.30—Sandiwara Radio, 12.00—Tahniah dan Ucapan Selamat.

TENGAH HARI: 1.00—Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00—Serbanika Hiburan, 2.30—Fokus (SU), 3.15—Majalah Sukan,

3.45—Titian Budaya, 4.00—Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih, 4.30—Bujang Si Gandam, 5.00—Tetamu Radio, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Seni dan Sastera, 7.15—Lagu-lagu Selingan, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Suara Perajurit, 9.00—Drama Dari Novel (SU), 9.30—Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN 29 OKTOBER

PAGI: 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Berdendang Denganku, 10.30—Sains Dan Perusahaan, 11.00—Sukma Ria.

TENGAH HARI: 1.30—Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30—Lukisan Masyarakat (SU), 3.15—Syair Perlembagaan, 3.30—Alam Remaja, 4.00—Rampai Petang, 4.15—Ruangan Katani, 4.30—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja, 6.00—Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00—Majalah Sukan (SU), 8.15—Lagu-lagu Selingan (SU), 8.30—Kuliah Ugama (SU), 9.00—Serbanika Hiburan, 9.30—Kutujukan Lagu.

HARI SELASA 30 OKTOBER

PAGI: 9.00—Suara Perajurit, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Lagu-lagu Berirama Dandut, 10.30—Permintaan Kaum Wanita, 11.00—Untuk Awda, 11.30—Panduan Wanita (SU).

TENGAH HARI: 1.30—Kusampaikan Salam.

PETANG: 2.30—Varia Peristiwa, 2.45—Gema Silam, 3.15—Sukma Ria (SU), 4.00—Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Ruangan Katani (SU), 7.15—Lagu-lagu Selingan, 8.30—Sandiwara Radio (SU), 9.00—Bahasa Sekolah-sekolah, 9.30—Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.30 35th Cheltenham Festival: Aeolian String Quartet Programme 4 (side 3 of 3)
9.00 Popular Classic: Stage Music Disc 8 (side 1 of 2)
9.30 Talking About Music — 285/290.

Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 World Theatre: Charley's Aunt by Brandon Thomas (side 1 and 2 of 2).
9.30 Burl Ives In Concert at the Sheldonian Theatre Oxford

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Fifteen Minute Theatre: "Incident At Whitewater" by Michael Robson.
11.15 Light Music From The Netherlands — 627.
11.30 Children's Half Hour

NOON

12.00 18th Cambridge Folk Festival: The Maria Muldaur Band — 7/12.
12.45 Mv Music — 325/436.

P.M.

1.15 Book Club: The Hobbit by J.R.R. Tolkien — 6/15.
1.30 Break for music with Malay traditional songs — 45.

1.45 Just for variety by continuity announcer.
2.00 Soundtrack of the Sixties (K842 — 6 side 2A & 3A)
4.00 Chinese programmes.
8.00 The World of Books
8.30 Thirty-Minute Theatre: "A Small Desperation" by Peter Lowe.
9.00 Perspective
9.30 A Date With (repeat)

Saturday

P.M.

8.00 Melody Time
8.30 Animal, Vegetable or Mineral — 43/46.
9.00 Strictly Instrumental
9.30 Top of The Pops — 1040.

Sunday

A.M.

11.00 Our Views — with chairlady Kate Symonds — 24/26.
11.30 Practical World
11.45 London This Week

NOON

12.00 A Date With

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 1040 (repeat)
1.30 Weekend Greetings
2.45 "Patterson" by Malcolm Bradbury & Christopher Bigsby — 7/8
3.15 Just for variety
9.00 Our Views — 24/26 (repeat)
9.30 BBC Science Magazine
9.00 Beautiful Music — 36/60
9.30 Soundtrack of the Sixties (K842 — 6 side 1B).

Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: "Turn Turn, Turn" by Sheila Hodgson.
8.45 The Guitar Greats: "Ry Cooder" (side 1 of 2).
9.30 Sweet and Stylish by James Davis and Orchestra — 3/12.

Tuesday

P.M.

8.00 Just For You by Jaafar Yaakub
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special: "Toboxars" side 2.

Daily

A.M.

6.29 Jingle
6.30 Allah Peliharakan Sultan
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana followed by Brunei In History, Brunei's AM and Weather Forecast
7.30 Local News with Tide Times.
7.35 Brunei's AM (continued)
8.30 Chinese programmes.
9.00 Ladies at Eleven except Fridays and Sundays.

NOON

12.00 Lunch Break except Fridays and Sundays.
12.30 News followed by Brunei In History, and Weather Forecast
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursdays
4.00 Close for morning transmission on Fridays and Sundays

P.M.

9.15 News.

Dari muka 7

tetapi faktanya ada, bolehlah kita berikan tafsirannya sehingga jelas, dan lebih-lebih lagi apabila tafsiran itu menguntungkan kepada negara, agama dan bangsa, mengapa kita mesti ragu memegangnya? Bukankah tujuan dari undang-undang itu untuk memelihara dan mengawal kepentingan-kepentingan yang baik?

Maka berdasarkan kaedah-kaedah ini, saya secara peribadi tidak sedikit pun ragu bahawa ungkapan "agama-agama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya" bermakna hanya untuk diamalkan tetapi tidak boleh dikembangkan. Tafsiran ini bukan dari akal kita semata-mata, tetapi selaras dengan kehendak agama, hukum agama Islam yang maha suci, bahawa mengembangkan agama kufur dalam negara Islam adalah haram — berdosa. Kerana itu jangan ada yang menggugat fatwa tidak membolehkan dibangunkan bangunan-bangunan baharu, rumah-rumah ibadat baharu orang-orang bukan Islam dalam negara ini besar bahayanya kepada akidah kita orang Islam. Reda kepada kufur adalah kufur.

BERLINDUNG DI NEGARA ISLAM

Sesungguhnya Islam tidak berlaku zalim kepada orang-orang bukan Islam. Mereka ada hak yang ditentukan oleh Islam. Mereka yang zimmi dan berlindung di dalam negeri-negeri Islam, darah, harta dan kehormatan mereka adalah haram. Tidak boleh diganggu atau diceroboh. Mesti dalam ibadat, mereka boleh beribadat menurut kepercayaan masing-masing. Tetapi jangan disebar dan ditayang-tayang kepada orang-orang Islam. Apa lagi yang lebih baik daripada ini? Berbanding, kalau tuan — ya cuba tanya orang-orang Islam yang tinggal di negara-negara bukan Islam itu, di negara-negara komunis sebagai

KEDUDUKAN UGAMA ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN

misal. Apatah lagi jika tuan bukan bangsa atau bumiputera negara itu, mesti jika bangsa sekalipun tetapi beragama Islam, tuan rasalah akibatnya. Cuba baca dan teliti kisah-kisah seperti bangsa Turkistan,..... dan sekarang Afghanistan. Dalam tahun 1976 saya menghadiri seminar di Karachi anjuran Rabitah Al-Islami Al-Islami saya 'langap-langap' melihat seorang wakil negara-negara minoriti Islam bercakap membentangkan penderitaan orang-orang Islam di bawah pengaruh dan tekanan kuasa-kuasa bukan Islam bukan sahaja kuasa Komunis. Semua ini membawa kita berfikir, betapa untung 1000 kali untung orang-orang yang turut berlindung di negara-negara Islam seperti kita ini. Apa kita tidak terfikir hal itu?

Banyak lagi kita boleh bercakap mengenai hal ini. Tetapi cukuplah dahulu sekadar ini.

Kemudian cuba perhatikan pula Bahagian II perkara 4 (1) dalam tajuk "Sultan dan ganti-gantinya" berbunyi: "Seseorang itu tiada boleh disifatkan sebagai waris yang sah kalau dia bukan laki-laki keturunan yang sah dari sebelah laki-laki dan kalau dia tidak memeluk agama Islam."

PEMANGKU RAJA

Selepas itu Bahagian III Perkara 12 (1) dalam tajuk: "Sultan atau Pemangku Raja tiada hadir dalam negeri," di bawah tajuk kecil "Kerajaan Pemangku Raja Semasa Sultan Tidak Berdaya Samasekali" ada menyebutkan: *Jika orang-orang yang berikut ini atau lapan orang daripadanya iaitu Per-*

maisuri Sultan, Wazir2 Menteri Besar, Chief Kadhi, Kepala Cheteria dan lima orang Menteri mengisytiharkan dengan tulisan bahawa mereka berpuashati dari keterangan2 (keterangan itu hendaklah termasuk keterangan tabi2) bahawa sultan tidak berdaya menjalankan pekerjaan2 negeri oleh sebab kelemahan akal, fikirannya atau tubuh badannya, ataupun mereka berpuashati dari keterangan bahawa kerana sesuatu sebab yang tertentu sultan itu tiada boleh melakukan pekerjaan2 itu, maka hendaklah pekerjaan2 itu dilakukan atas nama sultan dan bagi pihak sultan oleh suatu jemaah Pemangku Raja yang dilantik oleh Majlis Masyuarat Di Raja,....."

Cuba perhatikan dari dua section yang berturut ini, kedua-duanya merupakan benteng yang tegap memelihara kedaulatan Islam. Ditegaskan hanya yang sah menjadi raja itu ialah laki-laki dari keturunan yang sah dan beragama Islam. Maknanya pintu kesultanan Brunei itu tidak terbuka melainkan hanya kepada waris yang sah laki-laki dan beragama Islam. Kedua cuba perhatikan bahagian berikut mengenai penetapan Pemangku Raja oleh suatu jemaah yang turut dianggotai oleh Chief Kadi sebagai orang keempat selepas Permaisuri Sultan, Wazir-Wazir dan Menteri Besar yang kemudian selepas Chief Kadi baru diikuti lagi oleh Kepala Cheteria dan lima orang Menteri. Penglibatan Chief Kadi dalam jemaah itu menandakan kematangan penggubal dan pengasas perlembagaan ini dalam memahami kehendak-kehendak negara dan bahkan

menandakan kefahaman yang luas dan mendalam tentang konsep khalifah atau kesultanan bagi sesebuah negara Islam itu. Sebab kadi dalam fungsinya yang sebenar, bukan yang macam dibayangkan setengah orang hanya membaca doa dan membicarakan orang-orang bersalah yang melanggar Undang-undang Majlis

Agama dan Mahkamah-mahkamah Kadi nombor 20 Tahun 1955 sahaja, bahkan lebih daripada itu. Cuba lihat ungkapan ini (Diambil dari kitab yang bernama Umar Ibnul Khattab Al-Wasiqatul Khalidah karangan As-Syeikh Abdul Karim Al-Khatib) terjemahannya seperti berikut: "Kadhi itu ialah nama panggilan kepada tiap-tiap orang

yang berdiri sebagai hakim untuk menghukumkan antara dua orang yang sedang bertelingkah, sama ada dia itu ialah Khalifah atau Sultan, atau naib atau wakil keduanya atau pun yang dilantik bagi pihak raja atau Ulii Amri untuk melaksanakan peraturan-peraturan atau undang-undang dengan bersendi shara'....."

KETETAPAN HARGA-HARGA KERETA NISSAN

BERIKUT di bawah ini adalah senarai harga-harga kereta NISSAN dari SYARIKAT MOTOR TANG CHING YING yang telah diluluskan oleh Pengawal Harga seperti berikut: —

Jenis Kereta	Harga Jualan	Harga Jualan Penuh
NISAN PULSAR 1.0 5 DRS H/B.		
Model: RBN12LYUJ (1000 c.c) Radio	\$9,700.00	\$10,284.00
NISSAN PULSAR 1.5 4DR SEDAN Model: 51ZHN12GFE	\$11,450.00	\$12,095.00
NISSAN PULSAR 1.3 3DRS H/B Model: RPN12YUDJ	\$11,700.00	\$12,341.00
Aircondition, Radio, Cassette and Safety Belts.		
NISSAN PULSAR 1.5 4DR SEDAN (AUTO) Model: 51ZHN12CAE	\$12,050.00	\$12,721.00
NISSAN PULSAR 1.5. 5DRS H/B Model: RHN12LHFUD	\$12,550.00	\$13,221.00
Aircondition; Radio; Cassette and Safety Belts		
NISSAN PULSAR 1.5 5DRS H/B (AUTO) Model: RHN12LHAUD	\$13,150.00	\$13,847.00
Aircondition, Radio, Cassette and Safety Belts.		
NISSAN PULSA EXA TURBO Model: KHN12HFTUC (1500 c.c) Aircondition; Radio Cassette.	\$15,950.00	\$16,790.00
NISSAN PULSAR EXA TURBO (Sunroof) Model: KHN12HFTUC (1500 c.c) Aircondition, Radio Cassette; Sunroof.	\$16,350.00	\$17,190.00
NISSAN STANZA 5DRS H/B 1.6 GL Model: FT11FUCR	\$14,200.00	\$14,925.00
Aircondition; Radio; Cassette and Safety Belts.		
NISSAN STANZA 1.6 (G) SEDAN Model: T11DUCRW2 (1600 c.c) Aircondition; Radio/Cassette.	\$14,200.00	\$14,925.00
NISSAN STANZA 1.6 (SGL) SEDAN Model/ T11FUCRWS (1600 c.c) Aircondition; Radio Cassette	\$15,700.00	\$16,477.00
NISSAN STANZA 1.8 SGL SEDAN (AUTO) Model: PT11AUCLPRW (1800 c.c) Aircondition	\$16,400.00	\$17,210.00
DATSUN C20 BLIND VAN STD BODY HIGH ROOF Model: VHC 120SNU	\$11,150.00	\$11,795.00
NISSAN CABSTAR Z16 FLAT BED (1 TON) Model: BF22HU	\$13,400.00	\$14,131.00
NISSAN PRAIRIE 1500 8 SEATERS Model: BM10 KHUC	\$15,300.00	\$16,083.00
Aircondition; Radio, Seatbelts.		
NISSAN PRAIRIE 1500 6 SEATERS Model: BM10LDUC	\$14,750.00	\$15,533.00
Aircondition Radio and Safety Belts		
NISSAN SKYLINE 2.0 SEDAN Model:- BJR30 VFUC	\$15,500.00	\$16,286.00
Aircondition; Radio; Cassette and Safety Belts.		
NISSAN SKYLINE 2.4 GT SEDAN Model: MR30H FUCU	\$19,050.00	\$20,052.00
Airconditional; Radio; Cassette, Seatbelts, Power Steering.		
NISSAN SKYLINE 2.4GT SEDAN (AUTO) Model: HR30HAUCL	\$19,850.00	\$20,880.00
Aircondition; Radio; Cassette; Safety Belts; Power Steering; Power Window and Central Lock.		
NISSAN 300ZX 2 + 2(AUTO) Model: HGZ31Jauc	\$28,950.00	\$30,403.00
Aircondition; Radio; Cassette; Safety belts; Power Steering and Power Window.		
NISSAN 300ZX (2 seater) TURBO Model: HZ31 JTUC	\$30,400.00	\$31,885.00
Aircondition; Radio; Cassette; Safety Belt; Power Steering and Power Window.		
NISSAN 300ZX 2 + 2 (AUTO) T/BAR Model: KHGZ31Jauc	\$30,700.00	\$32,218.00
Aircondition; Radio; Cassette; Safety Belts; Power Steering; and Power Window.		
NISSAN 300ZX (2 + 2) TURBO Model: HGZ31JTUC	\$31,300.00	\$32,818.00
Aircondition; Radio; Cassette; Safety Belts; Power Steering and Power Window.		

Orang ramai bolehlah menghubungi Pengawal Harga atau pegawai yang berkenaan nombor telefon 25555 Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam, jika sekiranya harga-harga yang mereka beli itu berlainan dari harga-harga yang telah ditetapkan di atas:

Dari muka 8

3199	3270	Dk. Halimah bte Pg. Besar
3199	3270	Dk. Noorzanah bte Pg. Besar
3199	3270	Dk. Mahani bte Pg. Momin
3199	3270	Dk. Hajjah bte Pg. Momin
3217	3304	Lai Tid
3240	3325	Wong Kim Sook
3246	3323	Poi Yang
3247	3320	Wong Look Fah
3249	3331	Liew Hong Fah
3251	3333	Lee Jun Moi & Lee Jun
3267	3341	Nun Sim Moi
3269	3351	Most Ram Gauttam
3277	3408	Mohamed bin Hj. Abd. Ghani
3280	3492	Wong Nye Moi
3281	3491	Mohidin bin Ismail
3291	3354	Dy. Chuchu bte A. Bakar
3302	3314	Md. Daud bin Othman @ Md. Daud bin Ahmad
3337	3361	Mohd. Salleh bin Mohd. Daud
3364	3465	Lee Bun Kion
3357	3421	Koo Yeok Chong
3395	3375	Bongsu bin Serudin
3401	3515	Duraman bin Abu Hasan
3405	3514	Alli bin Yakup
3409	3487	Hong Liong Kuan
3412	3490	Yong Khiam Lee
3443	3563	Awang Tamin bin Abd. Hamid
3507	3613	Ariss bin Alias
3508	3497	Sumping. Anak Sampurai
3550	3660	Mariani bte Md. Taib
3550	3660	Abd. Latif bin Md. Taib
3550	3660	Norlida bte Md. Taib

Sungai Lumut.
Sungai Lumut.
Sungai Lumut.
Sungai Lumut.
Simpang Empat, Labi.
Simpang Empat, Labi.
Tunggulian, Liang.
Kanapol, Labi.
Labi.
Tanajor, Labi.
Tarawan, Labi.
Keluyoh, Sg. Liang.
Teriam, Labi.
Simpang Empat, Labi.
Rampayoh, Labi.
Tanjong Penyarap, Sungai Besar, Kuala Belait.

Keluyoh, Sungai Liang.
Sungai Gana, Liang.
Turunan, Labi.
Ratan, Labi.
Gandongan, Bukit Sawat.
Tanjong Rangas, Kuala Balai.
Lubok Palam, K. Belait.
Turunan, Labi.
Gatas, Labi.
Pandau, Kuala Belait.
Tanjong Sundai, Kuala Balai.
Tampinak, Melilas.
Rampayoh, Labi.
Rampayoh, Labi.
Rampayoh, Labi.

KAUM PENDIDIK MESTI BERSATU SELESAIKAN MASALAH PELAJARAN

BERAKAS. — Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong baru-baru ini menekankan peri mustahaknya ahli-ahli pendidikan menyatukan diri, menumpukan sepenuh tenaga dan fikiran untuk mencari penyelesaian kepada masalah-masalah pelajaran semasa, terutama dalam zaman merdeka negara ini.

Penyatuan diri kaum pendidikan, khususnya dari kalangan rakyat tempatan negara ini boleh dilakukan dengan melibatkan diri mereka dalam persatuan-persatuan pendidikan untuk bergerak bersama pada mencapai tujuan dan matlamat pendidikan dalam perkembangan pesat sains dan teknologi.

Dalam pada itu pula, mereka juga diharapkan akan dapat memberikan pandangan dan buah fikiran yang munasabah terhadap pelajaran dan pembelajaran sains dan hisab, mengkaedah cara-cara yang lebih efektif dalam pelajaran tersebut, juga tentang meresapkan pelajaran sains selaras dengan kenegaraan, Negara Melayu

Islam Beraja.

"Saya inginkan sumbangan mengenai cara meningkatkan pencapaian penuntut-penuntut dalam mata pelajaran sains dan hisab di dalam peperiksaan awam sehingga dapat mencapai kejayaan yang cemerlang iaitu dalam jangka waktu yang pendek dan dalam jangka waktu yang panjang. Malah saya sukacita, jika awang-awang dan dayang-dayang dengan pengalaman yang ada dapat menyelidik kelemahan-kelemahan penuntut kita di bidang pelajaran sains dan hisab," pinta Pengarah Pelajaran itu.

Ketika berucap di Upacara Penyampaian Hadiah Peraduan Projek Sains anjuran Persatuan Pendidikan Sains Brunei di Dewan Sekolah Inggeris Berakas di sini, Awang Haji Abu Bakar menjelaskan, walaupun pendidik-pendidik berada di berbagai peringkat pendidikan, mempunyai berlainan tugas dan tanggungjawab, tetapi adalah mempunyai objektif yang sama, iaitu melahirkan masyarakat negara Brunei menurut kehendak dan

aspirasi negara.

Ke arah itu pula, beliau menyarankan, menjadi perkara yang penting dan perlu bagi kaum pendidik mempergauli masyarakat sekeliling untuk menyebarkan ilmu akademiknya supaya ilmu itu memberi munafaat dan menguntungkan perkembangan pendidikan.

Beliau menjelaskan, "Seorang yang berpengetahuan, seorang intelektual bukan sahaja seorang yang menguasai dengan mendalam dan luas bidang akademik sahaja, bukan sahaja seorang yang pandai mengeluarkan teori-teori dari menara gading, tapi dalam konteks pembangunan negara, mereka seharusnya dapat keluar dari tembok gedung ilmunya, melangkah keluar pada masyarakat umum untuk menyampaikan dan menyebarkan ilmu akademiknya."

Kerana itu juga perlunya ahli-ahli persatuan pendidikan misalnya Persatuan Pendidikan Sains Brunei (BASE) yang kini mempunyai ramai keahlian dari anak-

anak tempatan meneroka langkah-langkah yang lebih luas dan menyumbangkan sesuatu yang lebih bermakna selain dari apa yang dilaksanakan.

"Kita semua barangkali tidak ingin melihat nasib anak bangsa kita di masa akan datang sebagai itek di air mati kehausan atau ayam di lekuk yang mati kelaparan. Kita juga tidak ingin menerima scenerio semut yang mati di dalam gula," tambah Awang Haji Abu Bakar.



SALAH seorang peserta dari Maktab Anthony Abell Seria kelihatan sedang menerima hadiahnya dari Awang Haji Abu Bakar, Pengarah Pelajaran Brunei.

Pertandingan projek sains mengkagumkan

BERAKAS. — Pertandingan Projek Sains Tahunan anjuran Persatuan Pendidikan Sains Brunei (BASE) telah dilangsungkan pada petang Ahad lalu, 14 Oktober di Dewan Sekolah Inggeris Berakas di sini.

Sebanyak 49 projek persembahan dari Sekolah

Menengah Atas, Sekolah Menengah Bawah dan Pusat Latihan Pertanian Sinaut di seluruh negara telah dipertandingkan dalam projek tersebut.

Dalam menilaikan persembahan-persembahan dari penuntut-penuntut sains dalam projek hari itu, wakil Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Awang Ibrahim bin Jumat berkata, ianya tidak menampakan perbezaan jika dibandingkan dengan persembahan-persembahan serupa di Singapura dan negara-negara rantau Asia.

Ini dibuktikan dengan persembahan yang mengkagumkan oleh penuntut-penuntut sains negara ini melalui penyertaan mereka dalam Science Fortnight di Singapura, di mana projek-projek itu mendapat sanjungan dan kepujian bukan sahaja dari penggemar-penggemar pelajaran sains, bahkan juga dari peserta-peserta yang diundang dari negara ASEAN lainnya.

Tetapi, katanya, jikapun projek yang dipertandingkan hari itu tidak dianggap mencapai mutu yang dibanggakan seperti yang terdapat dalam rancangan-rancangan wayang gambar, yang penting ialah kita telah menanamkan pada 'scientist' muda akan idea-idea yang realistik dalam ilmu pengajaran sains dan teknologi.

Johan Projek Sains anjuran Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad tahun ini ialah Maktab Anthony Abell di Seria bagi Menengah Atas. Naib johan ialah Sekolah Inggeris Perdana Wazir di Kuala Belait, manakala menduduki tempat ketiga ialah Sekolah Inggeris Berakas.

Dalam bahagian Menengah Bawah, tempat pertama dimenangi oleh Sekolah Menengah Melayu SMJA, tempat kedua ialah Sekolah Inggeris Berakas dan Sekolah Misi St. Georges memenangi tempat ketiga. Hadiah kepada pemenang-pemenang projek telah disampaikan oleh Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.



USTAZ Awang Haji Besar menyampaikan derma tersebut kepada Awang Zulkifli bin Abdullah.

\$17,573.00 bantuan dari MUIB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam baru-baru ini memberikan bantuan wang berjumlah \$17,573.00 kepada empat orang penduduk kampung untuk menampung perbelanjaan mereka membeli rumah dan keperluan-keperluan yang lain.

Mereka ialah Dayang Asmi bte Balal dari Kampung Beribi, Gadong menerima sebanyak \$5000.00, Dayang Janiah bte Haji Kasah dari Kampung Pelambayan menerima sebanyak \$4000.00, Awang Haji Tuah bin Samah dari Kampung Pangkalan Batu menerima sebanyak \$5960.00 dan Awang Zulkifli

bin Abdullah dari Kampung Telisai, Tutong menerima sebanyak \$2613.00.

Wang bantuan tersebut adalah hasil dari kumpulan wang zakat dan fitrah.

Bantuan tersebut telah disampaikan oleh Ustaz Awang Haji Besar bin Haji Abu Bakar. Setiausaha Majlis Ugama Islam di pejabat beliau di Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan disaksikan oleh Pg Haji Tuah bin Pg Haji Mohammad, Pengelola Baitulmal Zakat dan Fitrah.

Turut hadir di majlis itu ialah ketua-ketua kampung penerima bantuan yang berkenaan.

DUA LAGI MEMELUK ISLAM

DAERAH TUTONG. — Dua majlis pengislaman telah dilangsungkan di dua tempat yang berasingan pada 13 dan 14 Oktober, 1984 yang lalu.

Pada 13 Oktober, bertempat di rumah Awang Haji Khatab bin Moksin di Kampung Bakiau, telah dilangsungkan pengislaman Awang Remang bin Asin berasal dari Kampung Telutuk, Indonesia di hadapan Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Tamat, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pejabat Ugama, Tutong yang seterusnya juga telah memberikan ceramah khas di majlis tersebut.

Awang Remang memilih nama Islamnya sebagai Awg. Osman bin Abdullah. Beliau menerima cenderamata dari Majlis Ugama Islam yang telah disampaikan oleh Penghulu Kampung Kiudang, Pengiran Othman bin Pengiran Salleh.

Sementara itu pengislaman Dayang Donna Ann Byrom, seorang gadis Eropah berusia 18 tahun telah disempurnakan pengislamannya oleh Dayang Hajjah Salmah binti Haji Abd. Ghani, seorang Guru Ugama di Bahagian Dakwah dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama, pada 14 Oktober yang lalu bertempat di rumah Pengiran Haji Tajuddin bin Pengiran Alim, Kampung Sengkarai. Dayang Donna memilih nama islamnya sebagai Dayang Diyana binti Abdullah.

Ceramah khas telah disampaikan oleh Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Tamat, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Tutong. Sementara cenderamata dari Majlis Ugama Islam telah disampaikan oleh Awang Haji Metussin bin Haji Timbang, Pegawai Perkembangan Ugama, Jabatan Hal Ehwal Ugama.

JANGAN MAKAN KARANGAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan mengingatkan orang ramai di negara ini supaya tidak memakan jenis karangan yang merbahaya seperti tiram, kupang, ramis, kima dan sebagainya.

Jenis karangan-karangan yang diperolehi di Kuala Penyu, Kimanis, Kinarut, Papar, Pulau Gaya-Gaya dan Kota Belud di Sabah adalah dipercayai mengandungi racun.

Ingatan tersebut dikeluarkan berikutan dengan kematian dua orang kanak-kanak dan seorang dewasa selepas memakan tiram di Kinarut, Sabah baru-baru ini.

Jabatan Perubatan dan Kesihatan kini telah mengambil langkah dengan mengambil contoh-contoh karangan yang terdapat di perairan negara ini untuk diperiksa di Singapura.

Majlis Khattam Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Khatam Al-Quran sempena menyambut awal tahun Hijrah 1405 bagi 22 orang murid laki-laki Sekolah Ugama Daerah Brunei dan Muara telah berlangsung di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna hari Ahad lepas.

Majlis pada hari itu dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu kehormat, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Pengarah Penerangan. Dan kemudiannya peserta Khatam Al-Quran memperdengarkan bacaan masing-masing.

Kira-kira seratus orang murid-murid hadir di majlis tersebut. Majlis di akhiri dengan bacaan zikir marhaban beramai-ramai yang diketuai oleh Pengiran Haji Aliuddin bin Pengiran Omar Ali dan Awang Ahmad

bin Haji Abu Bakar dan bacaan doa selamat oleh Pengiran Haji Sharifuddin bin Pengiran Sulaiman.

PENGUMUMAN

DENGAN ini adalah dimaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Bengkurong dan orang ramai amnya iaitu pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, bahawa Awang Haji Yusof bin Metamit, Ketua Kampung Kilanas, telah diperkenankan untuk menjalankan tugas-tugas Ketua Kampung Kilanas, mulai 1 Ogos, 1984 sehingga Ketua Kampung yang baru dilantik.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERTAHUAN TAWARAN

Sebagai Pemandu Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PEMANDU TINGKAT II di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : F.3-4 EB.5 — \$550-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
- Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membeli kerosakan-kerosakan kecil.
- Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan Kelas 11 (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.
- Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah satu kelebihan.

Tugas-tugas :

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 2 Disember, 1984.
Bilangan iklan : 214/1984.
(E/111/73)

Sebagai Penterjemah

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENTERJEMAH (INGGERIS/MELAYU) di dalam Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Sukatan Gaji : D.3 EB.4-5 — \$900-\$1625 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan-kelayakan :

Lulus Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei (Peringkat Biasa) dalam 3 mata pelajaran (termasuk Bahasa Inggeris dan Melayu) atau Sijil Persekolahan dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Melayu. Sebaik-baiknya mempunyai pengetahuan Jawi.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 10 Disember, 1984.
(Bil iklan : 220/1984)
(E/273/62/4).

Sebagai Atendan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai ATENDAN di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Sukatan Gaji : F.2-3-4-5 EB.6 — \$495-\$790 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman : Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah V Sekolah Melayu dan juga mempunyai sedikit pengetahuan dalam Bahasa Inggeris.

Tugas-tugas :

Calon-calon yang terpilih akan ditempatkan di Rumah Sakit Kerajaan, Gudang-gudang Ubat dan di Klinik-Klinik Kesihatan. Mereka mestilah bersedia menjalankan tugas sama ada siang atau malam di mana-mana daerah di Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 10 Disember, 1984.
(Bil iklan : 221/1984)
(E/1053/73).

DI JABATAN TELEKOM, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

1. TELEFONIS

ANTARABANGSA : (Khas untuk wanita).
Tanggagaji : D.1-2-3 EB.4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Tingkat III Inggeris atau sebanding dengannya.
- Ketua Jabatan akan diberi kepada mereka yang mempunyai kelulusan persekolahan yang lebih tinggi atau mempunyai pengalaman yang lebih lama dalam tugas-tugas Operator.

2. OPERATOR TELEGRAF :

Tanggagaji : D.1-2-3 EB.4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

Calon-calon mestilah lulus dalam Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengannya. Calon-calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang Telegraf atau mempunyai kebolehan bertutur Bahasa Inggeris dan Melayu dengan baik atau calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-

sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Tarikh tutup : 12 November, 1984.
(Bil iklan : 210/84)
(E/1573/76).

Tender Notices

Department of Civil Aviation Ministry of Communications

- TENDERS are invited for the Supply of Boots and Shoes for the Department of Civil Aviation, Airport Fire Service.
- Tender should be placed in the office of the Tenders Board, 4th Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon Monday, 5th November, 1984.
- Tenders are required to quote prices for Boots and Shoes per pair as follows : —

	Size	Quantity
(a) Long Boot Leather for Fireman (Black)	5	15 pairs
(b) Long Boot Leather for Fireman (Black)	6	16 pairs
(c) Long Boot Leather for Fireman (Black)	7	41 pairs
(d) Long Boot Leather for Fireman (Black)	8	14 pairs
(e) Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black)	5	11 pairs
(f) Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black)	5½	7 pairs
(g) Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black)	6	17 pairs
(h) Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black)	6½	6 pairs
(i) Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black)	7	18 pairs
(j) Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black)	7½	15 pairs
(k) Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black)	8	11 pairs
(l) Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black)	8½	2 pairs
(m) Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black)	9	2 pairs
(n) Slip-in Shoe Black Leather	4	2 pairs
(o) " " " " "	5	20 pairs
(p) " " " " "	6	36 pairs
(q) " " " " "	7	21 pairs
(r) " " " " "	8	8 pairs
(s) Officer Shoes Black Leather	5	4 pairs
(t) " " " " "	7	4 pairs
(u) " " " " "	8	2 pairs

- All Boots and Shoes must be supplied within a reasonable time and to the satisfaction of the Chief Fire Officer, Department of Civil Aviation, Brunei International Airport.
- Tenderers are asked to submit the samples or catalogues of Boots and Shoes to the Chief Fire Officer one week after the closing date of the tender.
- Tender must be placed in plain and sealed envelope without any indication of the name of tenderer and addressed to the Chairman, Tenders Board clearly marked :
"BOOTS AND SHOES FOR AIRPORT FIREMAN."
- The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TAILORING AND SUPPLY OF MATERIAL FOR AIRPORT FIRE SERVICE UNIFORMS

TENDERS should be placed in the office of the Tenders Board, 4th Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon Monday, 5th November, 1984.

- Tailoring and Supply of Teklon Twill Navy Lightweight Dungaree Uniform complete with 18-inch Splitzip Fastener.
Dungaree Uniform Long Sleeve with Trousers
\$..... per Uniform.
- Tailoring and Supply of Uniforms Blue Decron Material Officer Uniform short sleeve Bush Jacket
Style complete with epaulette and trousers
\$..... per Uniform.
Fireman Uniform short sleeve Bush Jacket
Style complete with trousers
\$..... per Uniform.
- All Uniforms must be tailored within reasonable time and to the satisfaction of the Chief Fire Officer, Department of Civil Aviation. If the Uniforms are not tailored to his satisfaction they may be returned to the Contractor to make the necessary improvements without extra charge.
- Details of Uniforms and materials can be obtained from the Stores Officers, Department of Civil Aviation, Airport Fire Service, International Airport, Negara Brunei Darussalam.
- The period of Contract will be for two years commencing 1st January, 1985. The contract may be terminated by either party giving one month notice in writing.
- Tenders must be placed in plain and sealed envelope without any indication of the name of the tenderer and addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked :
TAILORING FOR AIRPORT FIRE SERVICE UNIFORMS.
- The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

Tender Notices

Telecommunications Department

SUPPLY OF UPVC PIPE AND FITTINGS

- TENDERS are invited from manufacturers of UPVC pipes fittings for the supply of UPVC and fittings for Telecommunications ducts.
- Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than 12.00 noon on Monday 12th November, 1984.
- Tender conditions require that a sample of each item be delivered to Telecom's Store, Bandar Seri Begawan, on or before the closing date for tenders, as an essential and inseparable part of the tender. Any bids received without all required samples will be invalid and shall be rejected.
- Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecom, 1st Floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, on payment of a deposit of \$500 which will be refunded to unsuccessful tenderers who submit a valid tender.

SUPPLY OF FACSIMILE TRANSCIVER

- TENDERS are invited for the supply of Facsimile Transceiver.
- Detailed tender documents can be obtained from the Office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of \$500.00.
- Tenders will be received by the Chairman Tenders Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, up to 12.00 noon on 26th, November, 1984. Tenders received after the said time and date will be rejected.
- Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked : —
FACSIMILE TRANSCIVER — TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT.
- The Government of His Majesty The Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any other tender.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI PEMANDU FORKLIFT

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU FORKLIFT di Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : F. 2-3-4 EB. 5 — \$495-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun serta boleh membaca dan menulis.
- b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

Am :

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara

bergilir-gilir (Shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 8 November, 1984.

(Bil iklan : 206/1984)

(E/34/82).

Kenyataan Tawaran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk "MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM BAGI PESTA SUKAN MERDEKA".

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup

TAWARAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT

TAWARAN-tawaran adalah dijemput bagi menyediakan PAKAIAN SERAGAM (UNIFORM) bagi 80 orang perempuan dan 4 orang lelaki Atenden Luar dan 4 orang Pengawas Letak Kreta di Lembaga Bandaran, Kuala Belait dan Seria.

Tawaran-tawaran mestilah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Jabatan Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 29 Oktober, 1984. Tawaran yang diterima selepas tarikh tersebut akan ditolak.

Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul-sampul surat yang bertutup. Di muka sampul itu tidaklah boleh dibuat tanda yang boleh mengenalkan nama penawar.

Kerja yang ditawarkan mestilah disebutkan dengan terang di sampul surat itu dengan perkataannya mestilah "MENYEDIAKAN PAKAIAN SERAGAM DI PEJABAT LEMBAGA BANDARAN, KUALA BELAIT DAN SERIA". Tawaran yang diterima dalam sampul surat yang tidak dialamatkan dengan betul akan ditolak.

Mengenai dengan jenis kain pakaian seragam, penawar-penawar bolehlah datang ke Pejabat Bandaran, Kuala Belait pada bila-bila masa bekerja sebelum mengemukakan tawaran.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah atau sebarang tawaran.

dengan ditulis "MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM BAGI PESTA SUKAN MERDEKA" dan tawaran-tawaran itu hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari hari Isnin 5 November, 1984 jam 12.00 tengah hari.

3. Penawar-penawar adalah dipelawa untuk menyebutkan harga membekalkan tiap-tiap sehelai/sepasang :

1. Jacket dan seluar.
2. Collar T-shirt untuk Pesta Sukan Merdeka officials dengan seluar panjang putih.
3. T-shirt.
4. Baju Kebaya atau Baju Kurung.
5. Tali Leher (Silk).

Butir-butir lanjut mengenai dengan pakaian ini boleh diperoleh dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Tingkat Tiga, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

4. Semua "pakaian seragam" hendaklah dibekalkan dengan memuaskan hati Jawatankuasa Pesta Sukan Merdeka. Jika sekiranya tidak memuaskan, semua pakaian seragam yang telah dibekalkan itu akan dikembalikan kepada pemborong berkenaan untuk diganti dengan yang baharu tanpa dikenakan apa-apa bayaran lebih dalam jangka masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pesta Sukan Merdeka.

5. Contoh kain bagi Baju Kebaya atau Baju Kurung dan contoh T-shirt hendaklah dihantar untuk diteliti bersama harga tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat menerima tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

Pemandu Outboard Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU OUTBOARD TINGKAT II di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : F. 2-3 4 EB. 5 — \$495-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- a) Pemohon-pemohon mestilah berumur antara 20 dan 35 tahun serta boleh menulis dan membaca.
- b) Mestilah mempunyai pengalaman memandu motosangkut sekurang-kurangnya selama 3 tahun dan boleh memperbaiki sebarang kerosakan-kerosakan kecil bagi jentera motosangkut.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan

Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 8 November, 1984.

(Bil iklan : 212/84)

(E/638/63).

Pemberitahuan Tawaran Pelajaran dan Kesihatan Jabatan Pelajaran Kementerian

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 5 November, 1984.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Perkara/Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Pelajaran, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender).
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL : JP/20/1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong bagi :

MEMBEKAL MEJA TULIS PENUNTUT (JENIS STACKABLE).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh diperoleh di Bahagian Pentadbiran, Pejabat Pelajaran, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 3 November, 1984. Tarikh tutup : 5 November, 1984. Cagaran tawaran \$200.00.

BIL : JP/21/1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong bagi :

MEMBEKAL DAN PEMASANGAN ALAT-ALAT MAKMAL BAHASA UNTUK INSTITUT PENYIDIKAN SULTAN HASANAL BOLKIAH, GADONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh diperoleh di Bahagian Pentadbiran, Pejabat Pelajaran, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 3 November, 1984. Tarikh tutup : 5 November, 1984. Cagaran tawaran \$200.00.

Tender Notice Royal Brunei Police Force

No. 25/1984

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th Floor, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 19th November, 1984.

SUPPLY OF RAINCOATS 2. Tender documents can be obtained from Head of Logistics/Procurement, Police Headquarters, Gadong.

3. Tenders must be placed in sealed envelope and addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked—

"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE — SUPPLY OF RAINCOATS."

4. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

Sebagai Juruhebah Sambilan RTB

JIKA AWANG/DAYANG berminat menjadi Juruhebah Sambilan susunan rancangan/siaran televisyen hantarlah permohonan kepada Pengurus Persembahan, Tingkat 2, Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, dengan menyatakan nama penuh, alamat, nombor kad pengenalan, kelulusan, nombor telefon dan kegemaran. Satu keping gambar hendaklah juga disertakan.

Pemohon-pemohon hendaklah sekurang-kurangnya lulus 1 mata pelajaran peringkat 'O' dan boleh bertutur bahasa Inggeris dan mempunyai suara yang baik.

Elau akan dibayar mengikut jumlah jam bekerja. Hantarlah permohonan Awang/Dayang tidak lewat 5 November, 1984.

Kadet Penolong Penguasa Polis

PERMOHONAN-pemohonan adalah dipelawa daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, untuk memenuhi jawatan Kadet Penolong Penguasa Polis. Calon-calon yang berkelayakan akademik dan iktisap yang sesuai.

Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai kelayakan-kelayakan berikut :—

Undang-undang
Kejuruteraan Awam
Kejuruteraan Mekanik
Ilmuakaun (Accountancy)
Pentadbiran.

Gaji : PD 13 : \$2570, \$2630, \$2690, 2760, \$2855.
ELAUN : Ijazah Lulus \$300 sebulan
Ijazah Kepujian \$500 sebulan
Ijazah Sarjana \$700 sebulan

Borang-borang permohonan dan maklumat lanjut mengenai tempoh-tempoh dan syarat-syarat perkhidmatan boleh diperolehi daripada :

Pengarah 'A'
Ibu Pejabat Polis
Pasukan Polis Diraja Brunei
Gadong
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh tutup : 30 Oktober, 1984

KANTIN SEKOLAH UGAMA PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN, KUALA BELAIT

PEMBORONG-pemborong adalah dipelawa untuk menjalankan perkhidmatan kantin sekolah agama yang tersebut di atas.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 November, 1984.

3. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan ditulis dengan perkataan "TAWARAN KANTIN SEKOLAH UGAMA PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN, KUALA BELAIT" tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan di alamat yang tersebut di atas.

5. Wang cagaran tawaran

berjumlah sebanyak \$100.00 (Seratus ringgit sahaja) hendaklah dibayar ke Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Kewangan, Bandar Seri Begawan pada bila-bila masa waktu bekerja hingga 10 November, 1984, hari Sabtu, jam 3.00 petang.

6. Penerangan-penerangan lanjut mengenai perkara ini boleh diperoleh dari Guru Besar Sekolah Agama yang berkenaan atau Nazir Sekolah-Sekolah Ugama Daerah Belait di Pejabat Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait.

7. Pemborong-pemborong yang menghantarkan tawaran mereka hendaklah menyertakan bersama lesen kebenaran menjual barang-barang di kedai-kedai runcit atau seumpamanya.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

Tender Notice Welfare, Youth and Sports Department Negara Brunei Darussalam

TENDERERS are invited for the supply of Prizes and Souvenirs to The Department of Welfare, Youth and Sports, Negara Brunei Darussalam for the Pesta Sukan Merdeka 1985.

Details of quantities and specifications can be obtained from the Director of Welfare, Youth and Sports, 4th Floor, Old Airport, Brunei Darussalam. A deposit of \$500.00 (Dollars Five Hundred) is needed which will be refunded to unsuccessful tenderers on return of the documents and receipt.

Tenders will be received by the Chairman of Tenders

Board, Bangunan Kewangan, 4th Floor, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam up to 12.00 noon on the 30th October, 1984.

Tenders should be submitted in plain sealed envelope marked :—

TENDERS FOR PRIZES AND SOUVENIRS FOR PESTA SUKAN MERDEKA.

The Government of His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any other tender.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL: 363 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 4/21D

CADANGAN PEMBINAAN PEMBETUNG (KALBAT) BERPINTU DI PERUSAHAAN PADI KERAJAAN DI WASAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 1 November, 1984.

Tarikh tutup: 5 November, 1984.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 364 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD421/0607 & AD421/0608

PEMASANGAN PERMAIDANI UNTUK MASJID MASJID SENGKURONG DAN SUNGAI KEBUN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 Oktober, 1984.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 365 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AW/002

MEMASANG PAIP AIR 8" A.C. DARI BATU 14 HINGGA BATU 18 SEPANJANG JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 Oktober, 1984.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 366 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 84AW/002

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PLYAGE HRD PIPE MARKER MESH

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 Oktober, 1984.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: 367 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR407/0502

MENGANTI DAN MEMBINA PARIT TETULANG, PETI PENAHAN LUMPUR DAN KALBAT PAIP JALAN MASUK DI JALAN PERSISIR PANTAI JERUDONG/MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 Oktober, 1984.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 368 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD419/2903

SUBKONTRAK YANG DICALONKAN BAGI MEMBEKAL DAN MEMASANG SALURAN NAJIS UNTUK CADANGAN RUMAH KEBAJIKAN (PERINGKAT III) DI KAMPONG PULAI, JALAN KEBANGSAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Akitik Ibrahim, 201, Kompleks Chandrawaseh, Batu 1, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 Oktober, 1984.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 369 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEL139

CADANGAN SEBUAH BENGKEL TUKANG KAYU UNTUK SEKOLAH INGERIS BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 Oktober, 1984.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 370 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 40/15

PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN TANAH DI BAWAH KONTRAK PENGGAL UNTUK PERKHEMAHAN TUTONG DAN PE-

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

NANJONG, ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 Oktober, 1984.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$500.00.

BIL: 371 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK No.: AW416/0103

KERJA-KERJA SALURAN NAJIS PERINGKAT 2A — BANDAR TUTONG — MEMBEKAL DAN MEMASANG; PEMBINAAN STESEN PENGEPAM NAJIS; MEMBEKAL DAN MEMASANG (MENDIRIKAN) LOJI PENGEPAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Syed Mohammed and Hooi, Bilik 402, Tingkat Dua, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 November, 1984.

Tarikh tutup: 12 November, 1984.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 372 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEL103

MEMBINA STOR BAGI SEKOLAH MELAYU SENGKURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 1 November, 1984.

Tarikh tutup: 5 November, 1984.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 373 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD406/1400

PEMBINAAN SEKOLAH UGAMA DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA DI KAMPONG PERPINDAHAN BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 1 November, 1984.

Tarikh tutup: 5 November, 1984.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 374 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD414/0100

MEMBUAT DAN MEMBEKAL 30 SET PERABOT KELAS III BAGI

- 1) 6 SET PERABOT KELAS III UNTUK (3 BLOK 2 G)
- 2) 24 SET PERABOT KELAS III UNTUK 24 UNIT BARIK-BARIK PASUKAN BOMBA, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 1 November, 1984.

Tarikh tutup: 5 November, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 375 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD414/0100

MEMBUAT DAN MEMBEKAL 30 SET PERABOT KELAS III BAGI

1) 24 UNIT BARIK

2) 6 UNIT 3 BLOK BAGI 2 UNIT PERUMAHAN KELAS G UNTUK PASUKAN BOMBA, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 1 November, 1984.

Tarikh tutup: 5 November, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 376 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD414/0100

MEMBUAT DAN MEMBEKAL 12 SET PERABOT KELAS III DAN 3 SET PERABOT KELAS II BAGI PERUMAHAN-PERUMAHAN PEJABAT UGAMA DI TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 1 November, 1984.

Tarikh tutup: 5 November, 1984.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 377 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AR/084

BANGUNAN TEMPAT PENYIMPANAN YANG DICADANGKAN DI DEPOT J.K.R. KAMPONG BENGKURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 November, 1984.

Tarikh tutup: 12 November, 1984.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 378 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 36/23

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 8,000 CUBIC YARD BATU-BATU CRUSHERS-RUN BAGI CADANGAN PEMBINAAN JALAN DI KAMPONG LIMBAH BUNTAR, SIMPANG BATU 2 JALAN SUBOK, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 1 November, 1984.

Tarikh tutup: 5 November, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 379 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD426/3301

PEMBINAAN 6 BLOK 12 UNIT RUMAH PANGSA UBAHSUAI KELAS "E" (RUMAH PANGSA KELAS "F" GELARAN BAGI ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI) (3 JENIS BILIK TIDUR) DI KEM ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 1 November, 1984.

Tarikh tutup: 5 November, 1984.

Cagaran tawaran: \$5,000.00 + \$100.00 (lukisan).

Tender Notice

Welfare, Youth and Sports Department Negara Brunei Darussalam

TENDERS are invited to "SUPPLY UNIFORMS FOR MERDEKA GAMES."

2. Tenders are to be put in a sealed envelope and marked "SUPPLY OF UNIFORMS FOR MERDEKA GAMES" and placed in the Tenders Board situated at the Ministry of Finance Building, Fourth Floor, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan not later than noon on Monday 5 November, 1984.

3. Tenderers are required to state the price for each suit.

1. Jacket and trousers.
2. Collared T-Shirt for Merdeka Games Officials and White Long Trousers.
3. T-Shirt.
4. Baju Kebaya or Baju Kurung.
5. Tie (Silk).

Further information regarding the uniforms can be obtained from the Department of Welfare, Youth and Sports, Third Floor, Old Airport, Berakas.

4. All uniforms are to be supplied in good condition and approved by the Merdeka Games Committee. If it is not approved, all uniforms will be returned to the suppliers concerned and they are required to exchange them to new ones without any extra charges, within the period fixed by the Merdeka Games Committee.

5. A sample of the material for the Baju Kebaya or Baju Kurung and a sample of the T-Shirt should be sent together with the prices.

6. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di Lembaga Tawaran Negara Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 November, 1984. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkhiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dihendaki kepada Pejabat Procurement, Bolkhiah Kem, ADBB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

4. Cagaran tawaran adalah dihendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

BIL.: PROC/T/152/84

MEMBEKAL: 40FT SELF SUPPORTING TOWER
Cagaran: \$200.00.

BIL.: PROC/T/179/84

MEMBEKAL: STOLE INFLATABLE FOR LIFE PRESERVER
Cagaran: \$150.00.

BIL.: PROC/T/180/84

MEMBEKAL: NEW LIGHTWEIGHT STRETCHER
Cagaran: \$150.00.

BIL.: PROC/T/181/84

MEMBEKAL: COMPLETE ENGINE

FOR SANKEY
Cagaran: \$150.00.

BIL.: PROC/T/182/84

MEMBEKAL: BARBED WIRE ROLL
Cagaran: \$100.00.

BIL.: PROC/T/183/84

MEMBEKAL: TEST SET VSWR
Cagaran: \$200.00.

BIL.: PROC/T/184/84

MEMBEKAL: OSCILLATOR TEST SIGNAL INTERFACE
Cagaran: \$200.00.

BIL.: PROC/T/191/84

MEMBEKAL: AZIMUTH MIRROR (IN STOWAGE CASE)
Cagaran: \$100.00.

BIL.: PROC/T/192/84

MEMBEKAL: VHS VIDEO AND PLAYBACK EQUIPMENT.
Cagaran: \$250.00.

BIL.: PROC/T/193/84

MEMBEKAL: FIRE FIGHTING CLOTHING
Cagaran: \$150.00.

BIL.: P/RC/53/84

MEMBEKAL: BOOTS GEORGE BLACK (SKIPPER SANDERS LEATHER)
Cagaran: \$100.00.

BIL.: P/RC/54/84

MEMBEKAL: KONTRAK 2 TAHUN PERKHIDMATAN MAINTENANCE OF PASSENGER/GOODS LIFT LOCATED MAIN STORE LOGISTIC TENTERA LAUT MUARA CAMP
Cagaran: \$200.00.

BIL.: PROC/T/194/84

MEMBEKAL: CAMP BED MK II.
Cagaran: \$100.00.

BIL.: PROC/T/195/84

MEMBEKAL: EQUIPMENT FOR VEHICLE MECHANICS.
Cagaran: \$150.00.

Tender Notice

Telecommunications Department Negara Brunei Darussalam

PROJECT No. P2136

TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B classification.

2. The said tenders are for TRENCHING, LAYING BURIED CABLE, EXCAVATING JOINTING PITS ETC ALONG JALAN JERUDONG AT SENGKURONG.

3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated outside the Office of The State Financial Officer on the Ground Floor of The State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 5th. November, 1984. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

TRENCHING & LAYING CABLE IN JALAN JERUDONG.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, upon a deposit of \$500.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tender who fails to submit a tender.

6. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet the Director's Representative at 9.30 hours on 25th. October, 1984 at the Sengkung Telephone Exchange.

Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU KERETA TINGKAT II di Pejabat Daerah, Kuala Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: F. 3-4-5 EB. 6

\$550-\$790 sebulan

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas V dan Kelas XI (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah meng-

hantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam.

dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tarikh tutup: 12 November, 1984. (Bil iklan: 215/84) (E/799/78).

Sebagai Pemandu Kereta Tingkat II

Sebagai Penjaga

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, berbangsa Melayu, beragama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal Jamaah untuk dilantik sebagai PENJAGA di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: F. 1-2 EB. 3

\$445 \$590 sebulan

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.

b) Hendaklah tahu menulis dan membaca.

c) Mempunyai pengalaman membaca dan mengawas harta benda Kerajaan adalah merupakan satu kelebihan.

Am:

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pe-

kerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift).

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 12 November, 1984. (Bil iklan: 213/84) (E/982/74).

TAWARAN PEJABAT PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL.: PPL/144/1984

Tajuk Kerja: MEMBEKAL DAN MEMASANG HALON 1301 SYSTEM DI BILIK KOMPUTER TINGKAT ENAM, BANGUNAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS.

Tarikh tutup: 29 Oktober, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkering: \$200.00.

Kelayakan pemborong: Internal Wiring Kelas "A" and "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/146/1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 29 Oktober, 1984 bagi kerja-kerja berikut:—

RELOCATION AND DEVIATION OF HIGH VOLTAGE CABLES IN FRONT OF NEW GADONG MARKET, JALAN KIULAP.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan diadakan pada hari Sabtu 25 Oktober, 1984 pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik ada ah berhak untuk menolak sebarang tender yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkering) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL.: PPL/147/1984

Tajuk Kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI 4 BILIK DARIJAH TAMBAHAN UNTUK SEKOLAH MELAYU PIASAU-PIASAU, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 12 November, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkering: \$200.00.

Kelayakan Pemborong: Internal Wiring Kelas "A" and "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diper-

olehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/148/1984

Tajuk Kerja: PEMASANGAN ALAT HAWA DINGIN SPLIT UNIT DI PUSAT PENGAJIAN KEHUTANAN, SUNGAI LIANG, SERIA.

Tarikh tutup: 5 November, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkering: \$200.00.

Kelayakan Pemborong: Internal Wiring Kelas "A", "B" "C" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN NEGARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL.: 57/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 5 November, 1984 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara: MARINE CARGO INSURANCE FOR GOVERNMENT RICE SHIPMENT FOR THE YEAR 1985.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL.: 58/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 5 November, 1984 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara: PENGANGKUTAN DAN PEMUNGGAHAN 1985 MENGADAKAN KENDERAAN (TRAK) DAN BURUH BAGI MENGANGKUT, MEMUAT, MEMUNGGAH DAN MENYUSUN BARANG-BARANG KEPUNYAAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN NEGARA UNTUK TEMPOH SE-TAHUN DARI 1 JANUARI, 1985 HINGGA 31 DESEMBER, 1985.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL. 59/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 November, 1984 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara: PEMBEKALAN TYRES BERMUKAM-MACAM UKURAN.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL. 60/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 November, 1984 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara: PEMBEKALAN MANHOLE FRAME AND COVERS TO BS 497.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL. 61/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 November, 1984 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara: PEMBEKALAN SWARFEKA (INDUSTRIAL HAND CLEANER) 1

GALLON TIN

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL. 62/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 November, 1984 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara: PEMBEKALAN PARANG BENGKOK (LOCAL) CAP '33' ATAU YANG SEBANDING DENGAN- NYA.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL. 63/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 November, 1984 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara: PEMBEKALAN IMPROVED PLOUGH STEEL WIRE ROPE, UNGALVANISED, 110/120 TONS TENSILE 6/19 FILLER CONSTRUCTION WITH FIBRE CORE, ORDINARY LAY TO BS 302/1968, 110/120 TONS TENSILE STRENGTH.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

Kebawah DYMM berangkat ke Jakarta

BANDAR SERI BEGAWAN.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berangkat ke Republik Indonesia pada hari Isnin lalu untuk lawatan negara selama empat hari atas undangan Presiden Soeharto.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri serta lain-lain kerabat Diraja berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas untuk mengucapkan selamat berangkat kepada Baginda berdua.

Keberangkatan Baginda dalam lawatan tersebut telah disertai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal

Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, merangkap Timbalan Menteri Kewangan serta lain-lain kerabat Diraja.

Wakil kita melaporkan dari Jakarta bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Halim Perdanakusuma Jakarta kira-kira jam 12.00 tengah hari.

Presiden Soeharto dan Ibu Tien Soeharto berada di lapangan terbang tersebut untuk mengalu-alukan keberangkatan Baginda berdua.

Selepas ketua negara Indonesia itu bersalaman, Baginda telah menerima kalungan bunga manakala Baginda Raja Isteri menerima bunga tangan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya telah berkenan menerima tabik hormat Diraja yang diberikan oleh sepasukan barisan kehormatan sejurus dengan itu tembakan meriam sebanyak 25 das telah dilepaskan bagi memeriahkan lagi keberangkatan tiba Baginda berdua.

Dari lapangan terbang Baginda berdua dengan disertai oleh Presiden Soeharto dan Ibu Tien Soeharto beredar menuju Istana Negara untuk membuat kunjungan kehormatan kepada Bapak Presiden dan Ibu Tien Soeharto.

Di Istana Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Isteri berangkat pula dengan ditemani oleh Presiden dan Ibu Tien Soeharto dengan berjalan kaki menuju ke tempat penginapan Diraja di Wisma Negara.

Di sebelah petang hari tersebut, Baginda berdua telah berkenan menerima mengadap wakil Presiden Bapak Umar Wirahadikusumah dan Ibu Umar Wirahadikusumah di Wisma Negara yang kemudiannya diadakan pertukaran cenderamata.

Selepas menerima mengadap, Baginda berdua telah berkenan berangkat untuk mengadakan lawatan ke Balaikota DKI Jakarta di

mana Baginda berdua dan rombongan telah disambut dengan penuh kemeriahan yang berupa permainan tradisional dan kebudayaan masyarakat Indonesia.

Keberangkatan tiba Baginda berdua di Balaikota telah disambut oleh Gabenor DKI Jakarta Bapak R. Soeprapto dan isteri serta lain-lain pegawai tinggi kerajaan termasuk wakil-wakil masyarakat setempat.

Pada sebelah malamnya Baginda berdua telah diraikan dalam Jamuan Santap Malam Kenegaraan yang diberikan oleh Presiden Soeharto dan Ibu Tien Soeharto di Istana Negara.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan diplomat-diplomat asing yang mengucapkan selamat belayar kepada Baginda berdua di Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas.

PERSAHABATAN YANG TULUS WUJUDKAN KEAMANAN

JAKARTA. — Dalam rangka mewujudkan kawasan yang aman, damai dan sejahtera di rantau ini landasan yang paling utama ialah persahabatan yang tulus dan luhur.

Pengalaman telah menunjukkan bahawa persahabatan yang tulus itu dapat memberi makna yang dalam dan indah dalam hubungan antara manusia dengan manusia dan antara bangsa dengan bangsa yang lain.

Presiden Soeharto berucap demikian di Jamuan Santap Malam Kenegaraan di Istana Negara bagi mengalu-alukan keberangkatan Kebawah

DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dalam rangka lawatan negara empat hari ke Republik Indonesia.

Menurut Presiden Soeharto lagi dengan berlandaskan persahabatan yang sedemikian itu hubungan kerjasama antarabangsa juga akan dapat berkembang dan saling menguntungkan serta akan berlangsung dalam jangka yang panjang.

"Dengan landasan persahabatan tulus dan dalam rangka mewujudkan per-

sahabatan kita yang aman, damai dan sejahtera itulah Indonesia bersama-sama Filipina, Malaysia, Singapura dan Thailand membentuk ASEAN," jelas Presiden.

Sambil itu Presiden Soeharto mengucapkan rasa syukur kerana Negara Brunei Darussalam telah mencapai merdeka penuh lagi berdaulat dan seterusnya masuk menjadi anggota ASEAN.

Ketua Negara Indonesia yang memimpin 160 juta rakyat itu juga menyedari bahawa tugas-tugas negarane-negara ASEAN di tahun-tahun yang akan datang tetap akan penuh ujian, kerana

menurutnya lagi, sekitar kita dan dunia pada umumnya masih penuh dengan berbagai 'kegerawatan' dicekam oleh berbagai konflik; kita masih dicemaskan oleh perkembangan ekonomi dunia yang belum menentu, sebahagian dari umat manusia masih bergumul untuk membebaskan diri dari lumpur kemelaratan dan kesangsaraan.

"Namun kita percaya dengan terus memperkuat persatuan di antara kita dan dengan terus memegang semangat ASEAN, maka cita-cita dan tujuan ASEAN pasti akan terwujud," tegas Presiden.

Untuk itulah persahabatan yang telah wujud sejak berabad-abad itu perlu diperkuatkan dan dipelihara terus agar kita masing-masing dan bersama-sama dapat menjawab keutuhan dan tantangan baru pembangunan masyarakat yang menjadi cita-cita kita masing-masing, sambung Presiden menegaskan, kedua bangsa kita juga memiliki wilayah yang secara geografi sangat dekat, maka usaha untuk memperdalamkan dan memperluaskan hubungan persaudaraan itu merupakan kebutuhan dan tanggungjawab bersama.

"Selain daripada itu persaudaraan juga merupakan kunci bagi kebahagiaan dan ketenteraman semua manusia. Kerana itu kita perlu berusaha agar persaudaraan itu berkembang lebih luas lagi," ujar Presiden.

Dari muka 1

rakyat yang inginkan kesejahteraan hidup yang lebih baik dan sentosa.

Terdahulu dalam titah itu Baginda menyatakan penghargaan atas layanan mesra sempena keberangkatan Baginda yang bukan saja merupakan penghormatan malah mencerminkan hubungan silaturahmi yang erat lagi mesra antara kedua buah negara.

Aizen dan Shim pelajar terbaik MPSHB

GADONG. — Dayang Aizen binti Haji Abdullah dari aliran Melayu dan Dayang Shim Guek Lan dari aliran Inggeris, telah dipilih sebagai penuntut-penuntut terbaik bagi sesi 81 — 84 di Majlis Konvokesyen ke-12 Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah pada Khamis lepas.

Dayang Aizen binti Haji Abdullah sebelum ini adalah

merupakan penuntut terbaik dalam tahun satu dan dua dan juga pernah menerima hadiah kepujian Shell tahun lepas. Sementara Dayang Shim Guek Lan adalah pelajar terbaik tahun satu semasa di maktab tersebut.

Semasa ditemui oleh pemberita PELITA, kedua-dua mereka menyatakan yang pemilihan tersebut mungkin

berdasarkan kepada keputusan akademik, selain ditambah dengan penglibatan berbagai kegiatan-kegiatan serta kelakuan (tatasusila) ketika berada dalam kursus.

Brunei alu-alukan rundingan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan keputusan rundingan yang telah mencapai kejayaan yang diikuti dengan penandatanganan perjanjian antara United Kingdom dan Republik Rakyat China mengenai dengan masa depan Hong Kong.

Pengisytiharan bersama itu beserta ketiga-tiga lampiran-nya telah menetapkan suatu rangka kerja di mana rakyat Hong Kong boleh terus tinggal dengan cara hidup mereka sekarang dan bekerja untuk masa depan yang selamat dan makmur. Negara Brunei Darussalam yakin United Kingdom dan Republik Rakyat China akan sama-sama bekerja rapat dan dengan cara yang berkesan untuk menentukan pemerintahan Kerajaan di Hong Kong berlaku dengan licin.

Bola sepak persahabatan: Brunei lawan Indonesia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua perlawanan persahabatan sekali lagi akan berlangsung di Stadium Negara Hassanah Bolkiah pada penghujung bulan ini.

Pasukan pelawat dari Indonesia akan bertembung dengan pasukan kedua kebangsaan dan pasukan utama negara.

Pasukan kedua akan bermain pada hari Ahad 28.10.84 dan pasukan utama negara akan bertemu dengan pasukan pelawat pada hari

berikutnya.

Pasukan kedua difahamkan adalah dalam proses persediaan bagi menghadapi pusingan awal kelayakan Piala Dunia di Hong Kong pada Februari tahun depan.

Pasukan kebangsaan negara adalah pasukan yang dijangka bertanding dalam siri Piala Malaysia yang akan bermula awal Januari tahun depan dan Pesta Sukan Merdeka.

Negara Brunei Darussalam dan Singapura menjadi